

Bismillahirrahmanirrahim.

Segala puji bagi Allah, Pentadbir seluruh alam. Selawat dan salam ke atas junjungan kita, Nabi Muhammad, keluarga dan para sahabat dan mereka yang mengikuti mereka dengan kebajikan hingga ke hari qiamat.

Dalam penulisan ini, saya hampir-hampir menggunakan metode ilmu hadis iaitu secara *riwayat* dan *dirayat*. Riwayat dan Dirayat amat hampir dengan ilmu tauhid kerana pemahaman yang tersebut dalam ilmu tauhid bermula dengan kedua-duanya. Metode ini amat

2 Pegangan Sejati Ahli Sunnah Wal Jamaah

baik bagi saya kerana sesuai dengan kata-kata seorang ulama hadis iaitu Ibnu Sirin:

“Sesungguhnya ilmu ini adalah agama maka perhatikanlah daripada siapa kamu mengambil agama kamu.”

Walaupun kata-kata ini diucapkan serta digunakan untuk bidang periwayatan hadis, namun demikian juga untuk bidang ilmu yang amat penting dalam kehidupan muslim iaitu ilmu tauhid atau ilmu aqidah. Ilmu ini menjadi panduan dan pedoman menentukan seseorang manusia itu sama ada selamat atau tidak di akhirat kelak. Dengan ini, amat penting bagi kita, sekalian *mukallaf*, mempelajarinya secara berguru. Cara sebegini

Awal Bicara 3

juga memelihara daripada **kesilapan manusia dalam berfikir** kerana ilmu tauhid diambil serta difahami secara amat teliti daripada himpunan ayat-ayat al-Quran dan hadis-hadis.

Sepanjang penelitian saya terhadap sesetengah masyarakat Islam, mereka sudah mula menampakkan unsur-unsur yang tidak sihat dalam membuat pentafsiran terhadap ajaran Islam dan daripada hasil tinjauan tersebut boleh dikatakan bahawa kebanyakan umat Islam telah dikelirukan pemikiran mereka dalam mengenali ajaran Islam.

Situasi tersebut merupakan kesan kepada sikap umat Islam yang tidak menghormati kewibawaan ulama' sebagai pewaris-pewaris ilmu para nabi dan tidak menjadikan mereka sebagai tempat rujukan utama dalam permasalahan hidup.

4 Pegangan Sejati Ahli Sunnah Wal Jamaah

Dari aspek lain pula, berdasarkan sebuah hadis yang terkenal di kalangan orang ramai bahawa ilmu diambil oleh Allah dengan mematikan para ulama'. Apabila berlaku fenomena ini yang juga turut memberi sebab sampingan kepada umat Islam dalam memahami ajaran Islam itu sendiri. Di samping itu juga, sebab kemalasan sebahagian umat Islam mencari kebenaran Islam untuk hidupnya semakin menjadi-jadi menyebabkan berlaku kekeliruan tersebut. Dalil yang menunjukkan keadaan ini benar-benar berlaku iaitu:

Daripada Anas bin Malik r.a., Rasulullah bersabda:

“Sesungguhnya sebahagian daripada tanda-tanda hari qiamat ialah ilmu diangkat dan tetaplah kejahilan...” Sahih al-Bukhari

Bukan setakat itu saja, Nabi Muhammad juga telah memberi peringatan bagaimana ilmu itu diangkat oleh Allah . Ikuti hadis sahih berikutnya:

“Sesungguhnya Allah tidak menarik ilmu (di kalangan manusia) dengan menarik begitu saja daripada para hamba-Nya tetapi ilmu itu ditarik dengan mematikan para ulama hinggan bila Allah tidak lagi tinggalkan orang alim pasti manusia mengambil ketua-ketua yang jahil lalu mereka ditanya (fatwa) maka mereka berfatwa tanpa ilmu pengetahuan. Mereka jadi sesat dan menyesatkan (orang yang

Faktor kehilangan ilmu pengetahuan yang disebabkan dengan kewafatan para ulama adalah berpunca daripada hadis yang amat kuat yang tidak boleh sekali-kali disangkal tetapi sekiranya Allah s.w.t. berkehendakkan ada orang mempunyai ilmu yang melaut luasnya (*tabahhur*) maka ia akan wujud kerana Allahlah tempat punca segala-gala ilmu di alam dunia ini.

Salah satu faktor yang sangat penting lagi, kini, ada sebahagian umat Islam lebih gemar mencabar kedudukan autoriti ilmu tauhid apabila tokoh-tokoh berwibawa pembawa syariat Nabi Muhammad sedang mengalami kritikan yang hebat yang dijalankan oleh reformis-reformis agama. Fenomena sebegini telah menuduh bahawa para ulama silam adalah silap atau mereka-reka dalam soal agama.

Tokoh berautoriti yang dikritiknya adalah golongan mendahului kita dengan beberapa ratus tahun lalu, hingga terhadap tokoh-tokoh utama yang diakui di merata dunia dari setiap zaman dan tempat. Malah golongan yang diakui oleh Nabi Muhammad secara mutawatir bahawa golongan yang terbaik ialah mereka yang semasa dengan nabi, kemudian golongan kurun selepasnya dan orang mengikuti golongan tersebut atau dengan kata lain dalam tempoh awal 300 tahun pertama menurut hijrah. Antaranya, termasuklah imam mazhab empat. Daripada hadis mutawatir tersebut dapat menentukan golongan yang paling alim mengikut ukuran Allah. Bila disedari fakta daripada Nabi Muhammad yang mempunyai ilmu *awwalin* dan *akhirin*, patutkah

6 Pegangan Sejati Ahli Sunnah Wal Jamaah

diperendah-rendah, dikritik dengan sewenang-wenang malah ada yang sanggup melabelkan mazhab mereka sebagai *bid'ah*. Dalam penyelidikan saya, golongan pengkritik ini kebanyakannya hasil keluaran institusi-institusi moden yang berasaskan Barat dan golongan yang mengakui diri mereka *islah* atau *salafi*.

Berhubung gejala ini, suka penulis memetik penelitian al-Muhaddith al-Muhaqqiq Dr. Sayyid Muhammad bin 'Alawi al-Maliki al-Makki, dengan katanya, “*sebahagian besar orang Islam tidak tahu mazhab Asya'irah serta mereka tidak arif siapakah mereka dan tidak arif cara (metode) Asha'irah dalam urusan aqidah Islam... Lalu sebahagian umat yang tidak berhati-hati dengan meletakkan Asya'irah dalam kesesatan atau sebahagiannya menuduh Asya'irah terkeluar daripada dinul Islam dan mulhid dalam [menghuraikan] sifat-sifat Allah. Kejahilan tentang mazhab Asya'irah adalah sebab kepada perpecahan kesatuan Ahli Sunnah dan memecah belahkan kesyumulan mereka hingga [sebahagian umat Islam kini] bersegera menjalankan hukuman terhadap mazhab Asya'irah mengandungi [unsur-unsur] penganut kesesatan. Saya tidak tahu, bagaimanakah mereka boleh disamakan antara golongan iman dan golongan sesat? Bagaimanakah mereka menyamakan antara Ahli Sunnah dan pemikiran Mukta'zilah dan mereka itu ialah mazhab Jahmiyyah? Maka, adakah kita layak menjadikan orang Islam seperti orang yang berdosa, bagaimanakah boleh kamu menghukumkan hal demikian? Mazhab Asya'irah ialah pemimpin petunjuk agama Islam .. ilmu mereka meliputi timur dan barat. Manusia [pada hari-hari mereka] sepakat di atas kelebihan dan keagamaan mereka, merekalah ulama yang berwibawa dan tokoh-tokoh utama Ahli Sunnah bagi agama Islam. Mereka itu bersepakat terhadap kesesatan al-Mukta'zilah. Sepertimana Ibnu Taymiyyah telah menyatakan tentang*

Awal Bicara 7

mazhab Asya'irah, “ulama ialah pembantu-pembantu ilmu-ilmu agama Islam dan mazhab Asya'irah ialah pembantu-pembantu Ushuluddin.” [al-Fatawa-jzk. 4] Sesungguhnya golongan Asya'irah ialah tokoh utama Ahli Sunnah dan wibawa ketokohan ulama'nya yang menjadi kelebihan bagi agama Islam, mereka bersepakat terhadap kesesatan Mukta'zilah. tokoh-tokoh hadis, fiqh dan pentafsir al-Quran. Antara mereka ialah Syaikhul Islam Ahmad bin Hajar al-'Asqalaniy ialah Syaikh bagi para pakar hadis tanpa dipertikaikan, empunya kitab Fathul Bari 'ala Syarh il-Bukhari ialah seorang bermazhab Asya'irah [dalam bidang aqidah] dan kitabnya ini amat memadai [bagi para penuntut ilmu hadis], Syaikh bagi ulama Ahli Sunnah iaitu Imam al-Nawawi, empunya kitab Syarh Sahih Muslim dan karya-karya lain adalah bermazhab Asy'ariy. Syaikh

bagi para pakar tafsir al-Quran iaitu al-Imam al-Qurtubi, empunya tafsir al-Jami'u li Ahkam il-Quran adalah bermazhab Asy'ariy. Syaikhul Islam Ibnu Hajar al-Haitamiy empunya kitab al-Zawajir 'an Iqtiraf il-Kaba'ir adalah bermazhab Asy'ariy. Syaikhul Fiqh dan al-Hadis al-Imam al-Hujjah al-Tsabit Zakaria al-Anshariy. Al-Imam Abu Bakar al-Baqillani, Imam al-'Asqalaniy, Imam al-Nasafi, al-Imam al-Syarbini. Abu Hayyan al-Nahwiy pemilik tafsir al-Bahr ul-Muhith, Imam Ibnu Juzaiy pemilik al-Tashil fi Ulum il-Tanzil dan begitulah seterusnya. Mereka semua itu termasuk dari kalangan tokoh-tokoh Asya'irah. Seandainya aku hendak mengira bilangan mereka dari kalangan pakar hadis, tafsir dan feqah dari mazhab Asya'irah pasti tidak muat [dalam buku ini] serta perlu kepada beberapa jilid kitab untuk mengemukakan bilangan mereka yang tersebar ilmu di merata timur dan barat dunia

8 Pegangan Sejati Ahli Sunnah Wal Jamaah

Islam .. Sebenarnya sebahagian daripada kewajipan kita bahawa ingin yang baik bagi pengikut-pengikut Asya'irah dan kita tahu kelebihan bagi ahli ilmu dan al-fadhl yang telah berkhidmat kepada syariat Nabi Muhammad.

Manakah lagi yang lebih baik yang boleh diharapkan di kalangan kita sekiranya telah menuduh ulama kita yang berkaliber dan orang-orang yang terdahulu yang shalih dengan [tuduhan] keraguan dan sesat ? Bagaimanakah Allah membuka kepada kita agar dapat kita memanfaatkan ilmu-ilmu mereka apabila kita beriktihad pada ilmu-ilmu mereka terdapat kecondongan dan keraguan daripada jalan Islam. Sememangnya aku boleh berkata: "Adakah boleh didapati antara ulama` kini yang terdiri daripada lulusan doktor-doktor dan cerdik pandai akan tokoh yang mampu melakukan seperti kerja Syaikhul Islam Ibnu Hajar al-'Asqalani dan al-Imam al-Nawawi ? Bagaimanakah layak kita menuduh mereka berdua dan keseluruhan Asya'irah dengan sesat sedangkan kita amat memerlukan ilmu-ilmu mereka ? Bagaimanakah kita boleh mengambil ilmu-ilmu daripada mereka bila mana golongan Asya'irah berada di atas jalan kesesatan ? Dan, sesungguhnya al-Imam al-Zuhri pernah berkata: "Sesungguhnya ilmu ini adalah agama maka perhatikanlah daripada siapakah kamu mengambil agama kamu !!!" Adakah cukup pembangkang kepada golongan Asya'irah berkata: "Sesungguhnya golongan Asya'irah telah berjihad lalu melakukan kesilapan dalam mentakwilkan sifat-sifat [Allah]." Bila mana al-Imam al-Nawawi, al-'Asqalani, al-Qurtubi, al-Baqillani, Fakhrrrazi, al-Haitamiy, Zakaria al-Anshariy dan ramai lagi dari kalangan tokoh-tokoh berwibawa. Apabila mereka itu bukan [termasuk] dari kalangan Ahli Sunnah maka siapakah lagi ulama` Ahli Sunnah pada ketika itu ? Sememangnya aku (Muhammad bin Alawi) berseru secara ikhlas kepada tiap-tiap pendakwah dan kepada setiap orang yang beramal dalam lapangan dakwah Islamiah bahawa mereka patut bertaqwa kepada Allah

Awal Bicara 9

dalam umat Nabi Muhammad. Dengan keistimewaan di kalangan kemuliaan ulama-ulama umat ini dan tokoh-tokoh feqah terpilih kerana umat Nabi Muhammad adalah yang terbaik hingga berlakunya hari Qiamah dan tiada kebaikan pada diri kita apabila kita tidak mengetahui kedudukan dan kelebihan alim-ulama kita."

Slogan anti-ulama silam ini semakin menjadi-jadi pada zaman mutakhir ini dengan alasan ' untuk memajukan umat Islam supaya tidak mundur.' Kita wajar bertanya, "Adakah untuk memajukan umat Islam harus menukar hukum-hakam yang disepakati oleh ijmak ulama ??!" Dalam pengetahuan saya, feqah tidak berkait dengan jentera, mesin atau seumpamanya. Sepatutnya golongan yang mengaku dirinya sebagai reformis menggalakkan umat Islam supaya belajar teknologi atau yang berkaitan dengannya bukan mengajar umat Islam memperendah-rendahkan atau mengkritik ulama silam. Keghairahan ini secara tidak langsung sebenarnya telah membawa kepada perpecahan di kalangan umat Islam. Pada hemat kami, fenomena ini merupakan mala petaka yang dibina oleh para cerdik pandai (yang terpengaruh dengan agenda-agenda orientalis) yang menganggap diri mereka lebih alim manakala kesan-kesan buruknya adalah kepada masyarakat Islam.

Apabila kita menafikan kesahihan majoriti ulama silam seperti mengatakan bahawa golongan Asha'irah dalam Ahli Sunnah telah melakukan kesilapan seolah-olah kita menolak juga segala periwayatan mereka dalam ilmu hadith. Ulama hadis ramai memegang pegangan iktihad mazhab Asha'irah serta memperjuang dan

mempertahkannya. Sedangkan dalam ilmu periwayatan hadis sekiranya mereka bersikap demikian maka perlu ditolak segala periwayatan mereka kerana golongan reformis Islam tertentu menganggap mereka sebagai bid'ah. Al-Hafiz al-Baihaqi (w.458H) dalam kitab beliau bertajuk *Kitab al-Asma' wa al-Shifaat* ketika membicarakan ayat-ayat mutasyabihat tidak langsung mengkritik Abu al-Hasan al-Ash'ari dan mazhab Asya'irah dengan meletakkannya menjadi sesat dan salah.

Apabila hal demikian telah terjadi, dari manakah lagi al-Quran dan al-hadis untuk dipelajari sedangkan kedua-dua sumber agama Islam ini yang sememangnya telah melalui proses riwayat yang ada di kalangan mereka bermazhab Asya'irah telah diragui keautoritian serta kewibawaan perawi-perawinya. Dalam Ahli Sunnah Wal Jamaah, maklumat yang diterima daripada perawi atau ulama yang *thiqah* (dipercayai) adalah sah diterima.

Gerakan ke arah penafian atau peraguan tersebut secara jelasnya akan melawan satu nas yang mutawatir bermaksud '**segolongan dari umatku akan sentiasa berada dalam kebenaran**'. Hadis ini mengisyaratkan kepada kita bahawa ilmu serta perjuangan Islam akan sentiasa berkesinambungan bermula semenjak pengwahyuan Islam kepada Nabi Muhammad sehingga ke akhir hari yang Allah kehendaki. Gerakan tersebut bolehlah dianggap serta dikatakan cuba memutuskan kesinambungan kebenaran yang dimaksudkan oleh hadis mutawatir tersebut. Oleh itu, gerakan pengkritikan tersebut sendiri merupakan golongan yang bersalah dan sesat kerana melawan nas yang qath'i dan melawan kesinambungan perjuangan kebenaran Islam.

Segala aktiviti pembukuan ulama dalam bidang ushuluddin, feqah dan tasauf cukup memudahkan kita,

Awal Bicara 11

pada hari ini, untuk membina tamadun Islam kerana kita hanyalah **generasi penerus** bukan generasi pertama yang perlu mengkaji semula Islam yang sememangnya tidak mampu semula kerana ilmu semakin diambil oleh Allah dengan mematikan ulama yang *rasikh* dan *tahqiq* seperti yang telah diterangkan dalil-dalilnya.

Bertolak daripada kesedaran melalui pemaparan hadis-hadis yang lalu maka segala percanggahan yang berlaku pada kurun selepas 300 atau 500 Hijrah pertama saya tidak terus mengemukakan dan, sebagai berhati-hati, saya kembali merujuk kepada karya-karya tokoh Ahli Sunnah dalam tempoh 500 tahun pertama dan juga yang mengikut cara mereka. Ini kerana penjaminan nabi Muhammad terhadap keutamaan mereka.

Sebagai pelengkap terhadap karya yang disusun ini -dengan izin Allah - pada abad ini, penulis beralih pula pada penilaian-penilaian yang bersifat semasa yang mengancam kedudukan aqidah Islam di kalangan sesebahagian umat Islam sendiri. Fenomena-fenomena semasa ini semakin bertanggungjawab ke atas kekeliruan-kekeliruan terhadap pemikiran yang semakin berlaku di merata dunia Islam. Kekeliruan ini berlaku disebabkan oleh perancangan kuffar, Yahudi dan Nasrani, dalam menyemaikan sikap lemah pada keyakinan sesebahagian umat Islam terhadap agamanya. Lebih-lebih lagi, apabila mereka berjaya menjatuhkan khilafah Islam. Apabila kejayaan ini telah dirangkul maka pengawalan terhadap umat Islam dengan pelbagai agenda dalam melemahkan umat Islam dalam segenap segi telah menjadi kebanggaan musuh. Dalil yang telah diperingatkan oleh Allah iaitu:

"Dan, orang Yahudi dan Nasrani tidak akan suka kamu sehingga kamu mengikuti jejak langkah mereka." Al-Baqarah: 120

Faktor-Faktor Syubhat Atau Penyeleweng Daripada Kebenaran

Perancangan kuffar sebagaimana yang dinyatakan tersebut lebih cenderung kepada 'peperangan pemikiran'. Mereka telah menyusun beberapa kegiatan tertentu, antaranya, dengan mewujudkan golongan pembuat syubhat atau pengeliruan, ada kalangan berasal dari rumpun Islam sendiri dan

ada yang berasal terus dari musuh. Berikutnya dipaparkan fahaman-fahaman yang telah mempengaruhi sebahagian umat Islam.

Sekularisme

Sekularisme ditakrifkan sebagai faham (doktrin, pendirian dsb.) yang menolak nilai-nilai keagamaan dalam kehidupan sosial manusia. Atau dengan kata lain, faham ini memisahkan urusan keduniaan dengan urusan keagamaan. Faham ini merupakan induk kepada semua faham-faham yang ada. Faham ini amat merbahaya kepada aqidah Islam kerana ia memisahkan agama dan dunia sedangkan ajaran Islam menyemai kewajipan-kewajipan kepada para mukallaf dengan pelbagai perkara sama ada yang wajib, sunat, harus, makruh dan haram dalam menjalani kehidupan dunia.

Ciri-ciri Sekularisme:

1. Menolak secara mutlak kewujudan Allah atau beriman kepadanya tetapi menolak adanya hubungan antara kehidupan manusia di dunia dengan keimanan kepada Allah

Faktor-Faktor Syubhah 13

1. Kehidupan di dunia ini bergantung sepenuhnya kepada ilmu dan penelitian yang diawasi aqal bukannya wahyu dan pegangan agama.
2. Wujudnya suatu sekatan yang kukuh antara kerohanian dan kebendaan kerana ruh tidak mempunyai sebarang nilai dalam fahaman masyarakat sekular.
3. Memisahkan agama dari politik dan membangunkan negara di atas asas-asas kebendaan semata-mata. Ciri ini dikritik hebat oleh seorang guru di Masjidil Haram, Makkah, al-Syaikh Abdul Qadir bin Abdul Muthallib al-Mandili al-Makki dalam kitabnya yang bertajuk, *Islam: Agama dan Kedaulatan* bertarikh 19.3.1379H./22.9.1959M. di Makkah al-Mukarramah.
4. Mengamalkan dasar pragmatisme pada perkara-perkara kebendaan.
5. Menyebarkan fahaman kebebasan berakhlak serta meruntuhkan nilai-nilai mulia dalam institusi keluarga yang dihayati generasi pelapis dalam masyarakat.
6. Meragui kebenaran agama Islam, kenabian Muhammad dan ayat-ayat dalam kitab suci al-Quran.
7. Menghayati ajaran Islam cukup dengan amalan kerohanian sahaja.
8. Undang-undang Islam diubah suai daripada undang-undang roman.
9. Agama Islam tidak sesuai dengan tamadun kini sambil menyifatkan undang-undang Islam sebagai ketinggalan zaman.
10. Memperjuangkan kebebasan kaum wanita supaya setanding dengan wanita di negara-negara Barat.
11. Merendah-rendahkan tamadun Islam sambil membesarkan unsur-unsur negatif yang wujud dalam masyarakat Islam sepanjang sejarahnya.
12. Mencontohi tamadun Barat dan sistem hidupnya yang berfahaman sekular tanpa agama.
13. Mempengaruhi generasi muda supaya memilih cara hidup sekular tanpa agama.

14 Pegangan Sejati Ahli Sunnah Wal Jamaah

Tokoh-Tokoh Yang Dipengaruhi oleh Sekularisme:

1. Mustafa Kamal Atatürk (1881/1299 - 1938/1357). Tokoh ini dididik oleh Yahudi bagi mengguling kerajaan Islam-Uthmaniyyah. Selepas perlantikannya, diisytiharkan pemisahan antara urusan dunia dan agama.
2. Ali ibn Hasan ibn Ahmad Abdurraziq. Lulusan al-Azhar dan Universiti Oxford. Penyelidik dan menganggotai *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* di Mesir. Tokoh hakim Mahkamah Syariat di al-Manshurah, Mesir telah mengarang kitab berjudul *al-Islam wa Ushul ul-Hukmi* pada tahun 1925. Apabila kitab ini dikeluarkan, pihak Raja Mesir telah marah dan terus melucutkan *Syahadah al-Azhar* daripadanya. Akibat pelucutan ini, beliau pergi ke al-Muhamah dan terpilih menganggotai *Majlis al-Nawwab (Perwakilan)*, *Majlis al-Syuyukh* serta dilantik Menteri

Wakaf-Wakaf. Kitab ini yang memisahkan agama dan urusan pemerintahan. Antara tokoh orientalis yang berpegang teguh dengan pemikiran Ali Abdurraziq ialah Charles Adams (1883/1300-m.1367H/1948M).

Bahaya Sekularisme Kepada Islam:

1. Sekularisme adalah ajaran bukan Islam dan bertentangan dengan Islam. Demikian antara resolusi yang dihasilkan oleh *Seminar Dakwah Antarabangsa* yang diadakan di Kota Suci al-Madinah al-Munawwarah pada 27hb. Safar. 1397 bersamaan 17hb. Februari. 1977.
2. Sekularisme ini adalah satu revolusi yang dilakukan oleh kerajaan terhadap rakyat bagi menghancurkan kefahaman Islam di kalangan rakyat yang kebiasaannya revolusi itu dilakukan oleh rakyat terhadap kerajaan. Demikian mafhum daripada kenyataan bekas Syaikhul Islam Mushtafa Shabri al-

Faktor-Faktor Syubhah 15

Hanafi (1286/1869-w.1373/1954) dalam kitab *Mawqif ul-'Aql wa l-Ilmi wa l-'Alim Min Rabbil 'Alamin wa Tbadhi l-Mursalin*.

Orientalisme

ia bermaksud golongan yang mengkaji hal-hal ketimuran. Gerakan orientalisme menyerang Islam melalui:

1. Menyerang al-Quran dengan menganggapnya sebagai khayalan Muhammad dan tidak ada hubungannya dengan wahyu.
2. Menyerang peribadi Rasulullah dan berani juga menikam kehormatannya.
3. Menyerang Sunnah Rasul dengan menyebarkan luaskan kempen bahawa ia bertentangan dengan akal dan ilmu pengetahuan serta meragukan ilmu dan kesahihan sumbernya. Aktiviti mereka digunakan untuk mencari kelemahan-kelemahan yang ada dalam Islam, dalam al-Quran dan al-Hadith, dalam diri junjungan kita Nabi Muhammad, dalam kerabat beliau, dalam diri sahabat-sahabat beliau.

16 Pegangan Sejati Ahli Sunnah Wal Jamaah

Selanjutnya, Sirajuddin Abbas menyatakan, “*andaikata kelemahan itu didapati maka diberikanlah kepada Zending, penyiar Kristian yang berada di negeri mereka masing-masing akan dijadikan alasan untuk mengatakan dan menyiarkan kepada umum bahawa Muhammad itu adalah nabi palsu dan al-Quran itu buatan manusia semata-mata.*”

Pada penelitian saya, mereka mengkaji perawi-perawi syariat Islam dan menolak keilmuan mereka apabila terdapat kekeliruan yang disengajakan oleh mereka seperti mempersoalkan kedudukan imam mazhab yang empat, imam-imam hadis dan lain-lain.

4. Menyerang sejarah Islam dengan memutar-belitkan beberapa fakta dan banyak menuduh tokoh-tokoh Islam sebagai pendusta dan pembohong. Dari satu segi, penilaian dan kritikan mereka hampir menyamai kaedah *al-jarh wa l-ta'dil* tetapi mereka cuba memerangkap kaedah ini bagi melenyapkan keyakinan umat Islam terhadap perawi-perawi dengan cara lojik. “Pihak musuh Islam tidak melakukan peraguan pada ajaran Islam itu sendiri melainkan dengan cara meragukan institusi atau diri ulama serta tokoh-tokoh dakwah yang manusia berpuashati dengan mereka. Apabila gugur kepercayaan orang ramai terhadap ulama tersebut maka gugurlah kepercayaan dengan apa yang mereka ucapkan. Pada ketika itulah, mereka telah berjaya pada apa yang mereka ingini.” Demikian dinyatakan oleh Dr. Ahmad ‘Umar Hasyim, al-Syaikh

Faktor-Faktor Syubhah 17

Muhammad al-Sanrawi (Pemeriksa Pertama di al-Azhar & Penguasa Agama di Fayyum) dan Dr. Abdul Ghani al-Rajihi (Ustaz Pengajian Tinggi di al-Azhar).

5. Menyerang Islam dengan menikam bahasa Arab seolah-olah tidak mempunyai kemampuan untuk melukiskan pendapat dan menyeru supaya bahasa Arab fasih diganti dengan bahasa

Arab awam agar bisa memisahkan generasi-generasi Islam yang akan datang dari warisan Islamnya yang murni dan asli. Bagi saya, serangan mereka pada peringkat ini semakin menampakkan hasilnya apabila ramai pelajar agama tidak mampu memahami teks atau kitab lama mengikut ketinggian bahasanya cuma yang dapat dikaji makna langsung sahaja (*direct meaning*) sedangkan kitab-kitab lama penuh dengan ma'ani, badi', bayan dan seumpamanya termasuk al-Quran.

Rangka Kerja Orientalis:

Dr. Mahmud Hamdi Zaquq telah menyenaraikan usaha mereka dari dahulu hingga sekarang dan dirumuskan kepada beberapa rangka kerja:

- Pengajaran di universiti
- Pengumpulan manuskrip dan membuat fihris (senarai)
- Penyuntingan dan penerbitan
- Penterjemahan dari bahasa Arab ke bahasa-bahasa Eropah
- Penulisan dalam pelbagai bidang pengajian Arab dan Islam

Antara cara pemikiran orientalis boleh tersebar:

Apabila orang muslim dihantar mendapat kursus di bawah bimbingan orientalis bagi mendapat kepakaran tertentu dalam keilmuan. Dalam kesempatan ini, pihak

18 *Pegangan Sejati Ahli Sunnah Wal Jamaah*

orientalis akan cuba menanamkan unsur-unsur 'keraguan' terhadap al-Quran, terhadap Rasulullah , terhadap Islam.

"Di antara yang keluar daripada institusi ini ramai juga dari kalangan orang Islam yang kemudiannya kembali ke negerinya dan menjawat jawatan sebagai tenaga pengajar di universiti-universiti di negeri mereka." Demikian penjelasan Dr. Mahmud Hamdi Zaquq tentang hakikat dunia Islam. Seinggakan ada sebilangan muslim berminat memetik kata-kata orientalis dalam karya yang bercorak keagamaan sebagai sumber utama. Tetapi andainya hanya dijadikan sumber kedua atau sampingan dengan meletakkan sumber dari Islam sendiri melebihi segala-galanya.

Dari aspek lain, bolehkah kita bekerjasama dengan orientalis untuk menimba ilmu-ilmu Islam di tempat pengajian yang dikawal oleh orientalis sedangkan tokoh-tokoh Islam yang mengesahkan pusat pengajian Islam di institusi tersebut hanya setakat mengadakan pertemuan rasmi sahaja bukan sebagai pengawal sepenuh masa seperti penyeliaan sesebuah tesis atau disertasi. Sedangkan al-Quran memberi peringatan pada kita, umat Islam:

"Wahai mana-mana orang yang beriman, janganlah kamu mengambil orang-orang Yahudi dan Nasrani menjadi pemimpin-pemimpin kamu; sebahagian

Faktor-Faktor Syubhah 19

mereka adalah pemimpin bagi sebahagian yang lain. Dan, sesiapa di antara kamu mengambil mereka menjadi pemimpin maka sesungguhnya orang itu termasuk golongan mereka. Sesungguhnya Allah s.w.t. tidak memberi petunjuk kepada orang-orang yang zalim." Al-Maa'idah: 51

Dalil ini turut digunakan oleh al-Syaikh Yusuf ibn Ismail al-Nabhani (Ketua Mahkamah al-Huquq di Beirut), al-Sheikh al-Muhaddith al-Faqih Hasan al-Masyath al-Makki (Guru di Masjidil Haram dan anggota Mahkamah Syar'iyah Agung) dan Professor Dr. Ahmad Ghorab. Al-Syaikh Hasan al-Masyath turut menegaskan bahawa pada zamannya iaitu tahun 1373 Hijrah terdapat orang Barat yang melibatkan diri dalam aktiviti Misionaris yang bertebaran di merata dunia. Mereka memasukkan pelajar-pelajar muslim ke dalam pusat pengajian mereka dengan bertujuan untuk menyesatkan dan menguatkan pusat pengajian tersebut.

Daripada gejala ini dapat dilihat seolah-olah sebilangan kita memperakui pengesahan ilmu mereka untuk orang Islam dalam penerimaan ilmu. Sekiranya kita menilai metode pendidikan ini dari sudut *al-Jarh wa al-Ta'dil* maka ilmu mereka yang belajar di bawah asuhan orientalis adalah tidak sah terutama *ilmu naqliy* seperti al-Quran dengan tafsirnya dan al-Hadis dengan syarahnya.

Secara tegas, saya menganggap bahawa ini telah dan amat bercanggah dengan Islam kerana

berkaitan hal-ehwal Islam sepatutnya orang Islam sendiri sahaja yang paling berhak menentukannya. Keadaan ini juga menunjukkan sikap kekaguman kita pada barat dan sikap ini sendiri telah menunjukkan keberhasilan program-program barat bagi merosakkan Islam secara halus. Atau dengan kata lain, sekalipun kita umat Islam merdeka dalam kenegaraan tetapi masih dijajah dalam sistem pendidikan.

20 Pegangan Sejati Ahli Sunnah Wal Jamaah

Saya tidak menafikan masih ada yang setia dengan Islam tulen dan tradisi malah ramai juga yang mula terpengaruh dalam keadaan mereka tidak menyedari diri mereka dipengaruhi oleh orientalisme.

[Satu Persoalan]:

Pada hari ini, terdapat ramai professor yang terdiri dari kalangan orientalis dijemput untuk memberi syarahan berbentuk Islam, perlu diingat bahawa syarahan tersebut tidak menjadi kesalahan jika didengar oleh mereka yang tahu menilai syarahan tersebut tetapi syarahan orientalis adalah haram dijadikan sebagai autoriti agama Islam dalam satu-satu isu. Ini kerana dalam ajaran Islam, kata-kata ahli kitab, jangan ditolak dan jangan diterima kesemuanya. Oleh itu, makna hadis tersebut menunjukkan perlu diadakan kajian yang teliti dan menyeluruh terhadap syarahan atau kajian yang dilakukan oleh orientalis, jika kajian mereka menepati maka boleh diterima dan jika tidak wajib ditolak serta dijawab.

Modenisme

Modenisme iaitu berfikiran secara moden. Maksud moden mengikut fahaman ini iaitu dengan melakukan kritikan terhadap yang silam dan klasik sebagai tidak tepat dan benar. Ia berpunca daripada fahaman sekular.

Tokoh Yang Berjaya Dipengaruhi Oleh Modenisme (sekalipun pada tahap minimum):

1. Syaikh Muhammad Abduh (1845-1905). Beliau dikatakan sebagai mengetuai gerakan modenisme di dunia Islam. Beliau dilantik ke jawatan tinggi dalam bidang agama di Mesir oleh Lord Cromer (seorang

Faktor-Faktor Syubhah 21

Yahudi yang menjadi Gabenor British di Mesir). Menurut Sulaiman Nordin, Syaikh Muhammad Abduh telah mengeluarkan fatwa penting iaitu 'mengambil faedah' adalah dibolehkan bukan haram (*al-Manar*, vol. VI, part 18, hlm. 717). Demikian juga kenyataan Syaikhuna Muhammad Nuruddin al-Banjari disebut dalam *Bayan Mufti Jumhuriyyah Mishr al-'Arabiyyah Hawla Fawa'id al-Bunuk Fi Mizan Ahli l-Ilmi*:

“..Maka fatwa Syaikh Muhammad Abduh, Syaikh Rasyid dan Syaikh Syaltut adalah bertentangan dengan ijmak ulama dahulu dan sekarang..”

Begitu juga pembaharuan beliau dalam pendidikan dan pembelajaran Islam telah menukarkan sistem salaf us-salih. Saya rasa beliau juga antara mereka yang bertanggungjawab dalam menghilangkan sistem pendidikan yang mempunyai sanad-sanad. Karya beliau bertajuk *Risalah al-Tauhid* dijadikan sendiri oleh beliau sebagai buku teks di al-Azhar.

Secara jujur, boleh dikatakan bahawa aktiviti-aktiviti beliau ada yang membawa kebangkitan Islam dan ada

22 Pegangan Sejati Ahli Sunnah Wal Jamaah

juga yang boleh dipertikaikan. Sebagai bukti, antara ulama yang amat membangkangi gerakan pembaharuan Muhammad Abduh ialah bekas Mufti Mesir, al-Syaikh Muhammad Bakhit ibn Husain al-Muthi'i al-Hanafi (1271/1854-w.1354H/1935M). Oleh itu, pengkajian teliti akan menzahirkan itu semua.

Pascamoden

Pasca bermakna selepas. Secara lengkapnya fahaman ini memaksudkan selepas mengalami proses kemodenan. Ciri-ciri utama fahaman ini iaitu:

i) kematian subjek

Subjek memaksudkan diri manusia. Ciri ini terletak pada tahap yang amat menonjol dalam fahaman ini. Ia menekankan bahawa manusia sebenarnya tidak mempunyai kesedaran dan kehendak yang utuh. Pada tahap yang paling tegas lagi, ciri ini menganggap peribadi manusia yang sedar, berfikir, mempunyai projek, berkehendak adalah telah lumpuh atau mati. Menurut Md. Salleh Yaapar, namun dalam konteks masyarakat dan kebudayaan yang lebih luas, idea kematian subjek tidak bermanfaat, malah berbahaya. Apatah lagi apabila ia dilihat dalam konteks kebangkitan semula umat Islam dan masyarakat rantau Asia sekarang umumnya.

Dalam ajaran Islam si subjek itu ialah 'muslim'. Ia hamba dan khalifah yang tunduk kepada Allah dan

Faktor-Faktor Syubhah 23

yang hidup menggunakan akal dan pancaindera dengan berpandukan wahyu. Subjek ini sama sekali tidak wajar dibunuh. Sebaliknya, ia perlu dipupuk dan diperkukuh untuk kesejahteraan umat.

Pada hemat saya, ciri kematian subjek dalam kefahaman ini seolah-olah menafikan langsung ciri *ikhtiyar* dan *kasbi* dalam prinsip Ahli Sunnah wa l-Jamaah. Sedangkan dalam aqidah Islam, manusia diwajibkan berperanan dalam berikhtiyar dan berusaha (*kasbi*) bagi menentukan tempat di dunia dan di akhirat. Dengan kata lain, Allah mengiktiraf kehendak dan kelakuan manusia muslim yang berkelakuan yang diredai oleh Allah dengan mengikuti syariat.

ii) Penafian Terhadap Realiti

Ciri yang kedua ini dianuti oleh kebanyakan pemikiran pasca moden menafikan kewujudan realiti secara objektif atau menafikan kenyataan. Bagi Baudrillard, seorang bekas pemikir Marxis dari Perancis, realiti hanyalah simulcara. Simulcara iaitu imej tanpa realiti asal. Imej inilah sekarang yang dipaparkan kepada manusia sejagat oleh teknologi informasi atau teknologi simulasi. Oleh itu, realiti sebenarnya tidak ada. Yang ada hanyalah simulasinya, yang dicambahkan terutamanya melalui televisyen. Keburukan penafian terhadap realiti sama ada melibatkan unsur-unsur fizikal atau rohani akan menyelewengkan lebih jauh lagi manusia daripada ajaran Islam kerana Islam mementing serta mengakui amalan rohani yang mampu mengiktiraf amalan zahir sebagai berpahala jika melakukan kebajikan manakala berdosa jika melakukan amalan keji.

iii) Ketiadaan Makna

Ketiadaan makna melibatkan makna yang universal (*transcendental signified*). Unsur ciri ini:

24 Pegangan Sejati Ahli Sunnah Wal Jamaah

1. meremehkan makna tetapi mengutamakan struktur. Ulasan:Unsur ini amat bertentangan dengan Islam kerana al-Quran mengajar kita betapa penting memahami al-Quran dari segi gaya, struktur dan mengikuti maknanya.
2. makna sesebuah wacana atau teks tidak dapat ditentukan.
3. wacana atau teks tidak membawa apa-apa kecuali mainan tanda yang berpanjangan dan menghairahkan. Teks tidak merujuk ke mana-mana. Secara luarannya ia hanya berkait dengan teks dalam perhubungan intertekstual yang menyeronokkan dan tidak berkesudahan.
4. Makna tidak juga dapat ditentukan oleh pengarang kerana pengarang telah mati.
5. Dalam pemikiran pasca moden yang afirmatif makna dianggap wujud. Namun sifat keberadaannya sangat tergantung pada pendengar wacana atau pembaca teks. Ertinya

makna amat pelbagai atau jamak sifatnya, sama seperti banyaknya bilangan pendengar atau pembaca sendiri. Sama sekali tidak ada makna yang tunggal, makna yang oleh dikongsi bersama oleh semua orang.

Tahap ciri ini amat bercanggah dengan hakikat Islam dan mazhab Ahli Sunnah kerana ia membenarkan semua pendapat terhadap satu-satu teks kepada pelbagai makna sedangkan al-Quran dan al-hadis kena hurai dengan syarat-syarat yang sah di sisi Nabi Muhammad dan para sahabat. Pada hari ini, didapati sebahagian umat Islam telah terpengaruh dengan hal ini dengan mengesyorkan agar dilakukan pentafsiran semula kepada sumber wahyu yang merangkumi al-Quran dan al-Hadis. Berhubung hal ini, Salleh Yaapar menyatakan kebimbangan kesan daripada *ketiadaan makna*, “namun sebagai konsep pemikiran, idea ini boleh membawa kekeliruan, malah kesesatan, dalam kehidupan manusia yang lebih luas. Jika ia diterima dalam bidang kesenian sekarang, tiada yang dapat melarangnya menular ke dalam pelbagai bidang lain, termasuk bidang keagamaan. Ertinya jika kini sebuah puisi pascamoden dapat dianggap tidak mempunyai apa-

Faktor-Faktor Syubhah 25

apa makna, maka lambat laun teks seperti (*mushaf*) al-Quran yang suci lagi abadi pun akan dianggap demikian. Atau sekurang-kurangnya, makna akan dianggap jamak. Yakni sama banyak dengan jumlah pembacanya. Ketika itu akan berlakulah kesesatan atau pertelagahan yang parah di kalangan umat berkenaan.

Bagi saya, golongan yang ingin mentafsir kembali al-Quran sudah terpengaruh dengan idea ini sama ada secara langsung atau tidak.

iv. Penolakan Naratif Besar dan Penafian Kebenaran

Naratif bermaksud cerita atau kisah tentang peristiwa, pengalaman dan lain-lain atau makna dari segi lain iaitu yang menceritakan. *Naratif Besar* pula ialah pandangan dunia atau ilmu atau teori yang menganggap dirinya menyeluruh lagi benar. Ini termasuklah agama, sains, atau fahaman seperti positivisme, sosialisme, demokrasi liberal, strukturalisme, dan feminisme. Oleh itu, daripada ciri ini dalam pascamoden sememangnya ia menafikan kebenaran juga.

Dalam agama Islam, al-Quran yang diwahyukan oleh Allah dengan tegas menyatakan dirinya sebagai petunjuk, benar dan haqq. Al-hadis pula, diriwayatkan oleh perawi-perawi bagi menyampaikan kata-kata Nabi Muhammad kepada umatnya. Oleh itu, wahyu berkait rapat dengan inividu yang memeliharanya dari segi sabab. Dengan ini, penolakan cerita-cerita, pesanan-pesanan atau seumpamanya (atau dalam istilah moden penolakan naratif besar) amat bertentangan dengan Ahli Sunnah Wal Jamaah dan ajaran Islam seluruhnya kerana semua yang dikhabarkan oleh wahyu yang merangkumi cerita, pesanan atau peringatan atau seumpamanya adalah bermakna dan sebagai petunjuk serta rahmat.

26 Pegangan Sejati Ahli Sunnah Wal Jamaah

Keluhan:

Pada hematku, sesetengah penulis serta ahli fikir muslim ada yang terpengaruh dengan pasca moden ini dan kenyataan mereka mampu mengelirukan pemikiran masyarakat muslim. Dalam pada itu juga, saya sendiri mendengar dari sebahagian orang ramai yang berfikiran sama atau hampir sama dengan unsur-unsur yang ada dalam fahaman pasca moden.

Dengan ini, saya bersetuju dengan kenyataan Zakaria Stapa yang menyatakan di **International Seminar On Islamic Theology And Philosophy** di Universiti Kebangsaan Malaysia (10-12. Jun. 1996) berhubung dengan pasca moden. “Ini bermakna bahawa ciri yang mendasari falsafah atau pegangan faham pasca-modernisme tersebut adalah merujuk kepada penafian semua bentuk kebenaran mutlak. Kebenaran mutlak, sesungguhnya tidak wujud; apa yang ada semuanya nisbi atau relatif belaka. Inilah juga ekspresi terkini dari sekularisme Barat. Dasar falsafah yang sebegini bila diterapkan ke dalam segenap sektor kehidupan maka akan timbul kekacauan nilai. Manusia boleh berbuat apa sahaja kerana nilai kebenaran sudah menjadi

nisbi.”

Darwinisme

Dalam dunia pemikiran sains, darwinisme atau faham Darwin sinonim kepada hipotesis evolusi. Hipotesis Evolusi bermaksud proses dari satu spesies kepada peringkat kesempurnaan iaitu menjadi manusia. Fahaman ini masih diperingkat hipotesis bukanlah teori. Fahaman ini dibentuk oleh Charles Darwin (1808-1882 M)

Ciri-ciri faham Darwin:

1. bersifat materialisme
2. berunsur tanggapan yang penuh keraguan
3. bersifat pentafsiran hawa nafsu

Faktor-Faktor Syubhah 27

4. Semua yang hidup bertukar bentuk dan fungsi dari generasi ke generasi melahirkan keturunan yang mempunyai sifat-sifat baharu walaupun sedikit
5. Proses ini telah terlaksana sekian lama sehingga telah menghasilkan semua kumpulan dan jenis-jenis yang hidup masa kini dan yang lampau
6. Semua kehidupan mempunyai perhubungan antara satu sama lain.

Dalam protokol Yahudi, telah dinyatakan tujuan teori ini diperkenalkan, *“kitalah yang telah menampilkan Charles Darwin, Karl Marx dan Nietzsche dan kita bukan tidak tahu pengaruh-pengaruh buruk yang diakibatkan oleh teori-teori ini terhadap pemikiran orang.”*

Kesan-kesan:

1. Menafikan wahyu sebagai sumber rujukan alam semesta.
2. Menafikan manusia berasal daripada Nabi Adam .
3. Boleh membawa kemurtadan bagi mereka yang menganutinya.
4. Fahaman ini juga membawa kepada persamaan dengan mazhab Dahriyyun yang mengatakan alam ini bermula dengan melalui proses masa. Ini kerana fahaman Evolusi-Darwin mengatakan manusia bermula daripada beruk atau dengan makna lain proses tersebut sudah tentunya melalui proses masa yang lama sebelum menjadi manusia yang sempurna.
5. Fahaman Darwin ini telah merebak serta diterapkan ke dalam beberapa cawangan ilmu pengetahuan yang dipengaruhi oleh Barat dengan berunsurkan sekularisme khususnya seperti bidang ilmu antropologi, sains sosial, ekologi, manusia, psikologi, biologi dan falsafah

28 Pegangan Sejati Ahli Sunnah Wal Jamaah

Barat yang diajar sebagai ‘pengajian ilmiah’ kepada sekalian penuntut di negara-negara Islam.

Liberalisme

Takrif liberalisme ialah ‘aliran pemikiran yang bertujuan untuk meningkat kebebasan yang diberi kepada individu’.

Ciri-ciri:

1. Kebebasan kepada individu tanpa sekatan atau dengan sekatan yang paling sedikit dalam ekonomi politik dan sosial (kebebasan moral)
2. Ia mempunyai gagasan-gagasan pemikiran berikut:
 - i) individu lebih penting dari masyarakat

ii) masyarakat wujud untuk individu

iii) individu bebas dari nilai-nilai agama

? Oleh kerana ketenteraman masyarakat perlu dipelihara, moral agama digantikan dengan nilai etika tetapi itu tidak dapat menyekat krisis demi krisis yang telah timbul dalam masyarakat Barat dalam institusi keluarga, ekonomi, siasah dan masyarakat.

Penilaian Tentang Liberalisme:

Fahaman ini, secara umumnya, adalah serasi dengan sifat agama Islam namun jika diteliti ia amat merbahaya dari segi boleh membawa kekecuaan dalam agama. Ini kerana jika dalam pemikiran agama Islam terikut-ikut konsep liberalisme yang berlaku dalam ajaran Kristian. Maka sudah tentu akan membawa kerosakan dan kecelaruan kepada umat Islam. Untuk memperjelaskan lagi, saya bawakan peranan liberalisme dalam ajaran Kristian. Gerakan ini dipelopori oleh Martin Luther (1483-1546M), beliau seorang tokoh dari mazhab Protestan dalam ajaran Kristian. Mazhab

Faktor-Faktor Syubhah 29

Protestan adalah mazhab baru yang dibentuk pada abad ke-16 M. Antara prinsip yang penting dalam mazhab Protestan itu ialah:

? Adalah hak individu Kristian yang sanggup membaca kitab suci, mentafsirkannya sendiri. Pada hemat saya, prinsip ini mulai menular dalam ajaran Islam kini yang mana banyak peringkat golongan awam berani mentafsirkan al-Quran dengan hanya berpandukan terjemahan sahaja sedangkan keupayaan menguasai bahasa Arab masih di peringkat bawahan dan awalan. Golongan-golongan reformis Islam ala Barat mengalu-alukan prinsip sebegini dengan alasan untuk memajukan umat Islam. Selanjutnya, para reformis ini menggalakkan agar umat Islam membebaskan diri daripada pentafsiran ulama silam. Dalam hal ini, perlu diingat bahawa Nabi Muhammad sendiri telah meninggalkan pesanan bahawa '*sesiapa yang mentafsirkan al-Quran dengan akal fikiran atau tanpa ilmu pengetahuan yang layak maka tempatnya adalah di dalam neraka*'. Hadis ini adalah mutawatir. Apabila ini berlaku umat Islam akan menghadapi krisis pemikiran yang amat merbahaya yang boleh menjatuhkan umat Islam itu sendiri dan bukan membawa semakin maju.

Relativisme

Relativisme ditakrifkan sebagai 'faham bahawa kebenaran nilai moral dan sebagainya tidak semestinya mutlak tetapi mungkin berbeza antara individu atau kebudayaan.' Dari sudut lain, fahaman ini menyatakan 'bahawa tidak ada nilai mutlak untuk menghukum sesuatu perbuatan. Semua kebenaran adalah relatif yakni tiada satu jawapan. Tiada siapa yang lebih betul. Semuanya tertakluk kepada pandangan. Semua pendapat boleh diterima.

30 Pegangan Sejati Ahli Sunnah Wal Jamaah

Teori ini diperkenalkan oleh Albert Einstein (1879-1955) dalam fizik aliran moden. Pada mulanya teori ini hanya terdapat perbahasan dalam bidang fizik sahaja tetapi sejak kebelakangan ini teori diserapkan ke dalam menilai sesuatu isu. Sekiranya teori ini hanya digunakan untuk fizik maka ia tidak melahirkan percanggahan. Ini kerana dalam bidang sains ia telah mengutarakan teori berkaitan dengan objek-objek yang dalam keadaan bergerak. Dalam masa bergerak setiap satu objek dinilai dalam keadaan kerelatifan antara satu sama lain. Sebagai contoh, seseorang yang sedang berjalan dibandingkan kereta yang sedang bergerak dalam arah yang bertentangan. Masing-masing tidak boleh mengatakan bahawa dia berhenti atau kaku tetapi keadaan tetap berlaku dalam alam ini. Jadi, penilaian berbeza dalam pemikiran kedua-dua keadaan tersebut. Sekiranya ia diserapkan dalam menentukan kebenaran dalam beragama maka ia amat bertentangan sekali dengan ajaran Islam.

Ciri fahaman ini:

1. Tiada seorang pun yang boleh mengatakan yang dirinya benar kerana semua manusia adalah relatif atau nisbi.
2. Tiada wujud kebenaran yang mutlak.

Kesan:

Sekiranya kita menggunakan pendekatan fahaman ini dalam menilai sesuatu isu maka boleh membawa murtad kerana fahaman ini tidak memperakui kebenaran pada orang tertentu dan dengan ini kebenaran Nabi Muhammad dipertikaikan. Pendapat-pendapat yang sahih dalam Islam terutama dalam ijmak juga tidak diiktiraf oleh fahaman ini.

Faktor-Faktor Syubhah 31

Komunisme

Komunisme dapat ditakrifkan sebagai 'fahaman politik yang (hendak) menjadikan faktor pengeluaran dan barang-barang pengguna milik negara atau milik bersama rakyat.'

Ciri-cirinya:

1. menghapuskan semua hak milik persendirian
2. menghapuskan unit keluarga
3. menghapuskan segala agama

Fahaman ini menjadikan usaha manusia dibahagikan sama rata. Hukum ini telah bercanggah dengan Ahli Sunnah kerana dalam mazhab Ahli Sunnah harta yang diusahakan oleh individu adalah hak pengusaha tersebut cuma yang menjadi bersama ialah jumlah yang wajib dikelaurkan oleh penentuan menurut hukum zakat. Hanya zakat pihak penguasa agama wajib mengambil hak daripada pengusaha tersebut.

Fahaman ini juga amat terang bertentangan dengan ajaran tauhid Islam kerana komunisme terang-terang menolak keagamaan serta kewujudannya hanya merupakan penyakit.

Anti-hadis

Anti-hadis merupakan hasil daripada Kod 19 teori yang dibina oleh Rashad Khalifa. Secara amnya, teori banyak bersandar pada kesimpulan-kesimpulan yang telah dibina oleh orientalisme.

Aliran Pemikiran Muhammad Abdul Wahhab Serta Pengikutnya

Berkenaan dengan mazhab Wahhabi, terdapat pro dan kontra dari segi adakah ia termasuk dalam golongan Ahli Sunnah atau terkeluar daripadanya?! Konflik ini merupakan masalah semasa bagi umat Islam yang telah berlanjutan semenjak pemimpinnya telah menjalankan

32 Pegangan Sejati Ahli Sunnah Wal Jamaah

gerakannya. Berikut ini diberikan data yang perlu diketahui sebelum diteliti kedudukan mereka ini.

Biografi Ibnu Taymiyyah

Saya perlu sebut tentang Ibnu Taymiyyah kerana Muhammad Abdul Wahhab terpengaruh dengan pemikiran-pemikirannya.

Kedudukan Ibnu Taymiyyah dalam pengajian hadis ditempatkan sebagai *al-hafiz*. Tidak lebih daripada itu. Al-Hafiz merupakan tahap penguasaan hadis sebanyak 100,000 hadis sahaja. Sekiranya kita menjulang lebih daripada tahap itu maka sebenarnya kita telah menyeleweng daripada kejujuran.

Satu lagi persoalan yang perlu dipaparkan untuk tatapan bersama iaitu, sekiranya Ibnu Taymiyyah benar-benar terkenal di bidang riwayat dan dirayat kenapakah diri beliau tidak disebut secara mutawatir dalam sanad-sanad bagi kitab-kitab hadis di dunia Islam. Buktinya, Muhammad Abdul Wahhab sendiri pun tidak meriwayatkan kitab muktabar daripada Ibnu Taymiyyah. Sekiranya diri beliau amat diperlukan oleh bidang ilmu-ilmu Islam pasti para ulama lebih berminat untuk meriwayatkan sesuatu daripada beliau sendiri. Cuma yang saya dapati hanya

sanad bagi karya-karya Ibnu Taymiyyah sendiri sahaja. Ini perlu diambil perhatian oleh semua bagi mengelakkan ketaksuban membabi buta dalam mengagungkan seseorang individu.

Mengikuti maklumat yang diterima melalui ilmu isnad, terutama termaktub dalam kitab *Uqud ul-La`ali fi Asanid al-Rijal*, halaman 65, susunan Sayyid Idrus bin Umar (1237/1821-w.1314/1896) tentang kedudukan Ibnu Taymiyyah sebagaimana yang dinyatakan sendiri oleh al-Hafiz al-Zahabi:

1. Ibnu Daqiqil 'Ed merupakan tokoh al-hafiz yang paling mengetahui unsur fekah dalam hadis;
2. al-Dimyathi (wafat secara tiba-tiba pada tahun 705 H.) merupakan tokoh al-hafiz yang paling arif dengan selok-belok sanad-sanad hadis;
3. Ibnu Taymiyyah merupakan tokoh al-hafiz bagi matan-matan hadis.

Penilaian saya:

Faktor-Faktor Syubhah 33

[Gelaran kepada Ibnu Taymiyyah sebagai al-mujaddid boleh dipertikaikan kerana mula-mula diberikan oleh seorang pengikut yang tidak terkenal dalam bidang-bidang tertentu dan kesan daripada ini memperlihatkan sikap taksub pengikut terhadap guru. Apabila beliau tidak menguasai semua bidang secara teliti pasti akan melahirkan fatwa-fatwa yang tidak kuat dan apabila fatwa beliau boleh dipertikai maka tidak wajib diikuti malah sekiranya dha'if maka haram kita mengikutinya.]

1. al-Mizziy (l. 654-w. 2.Safar. 742) merupakan tokoh yang paling arif tentang selok-belok perawi-perawi hadis. Muhadith bagi negara Syam. Tokoh ini bermazhab al-Asy'ariy kerana ia menjadi syarat untuk dilantik menjadi guru besar di *Dar ul-Hadis al-Asyrafiiyyah* di Damsyiq. (*Thabaqat ul-Huffaz*, al-Suyuthi, 522)

Penilaian saya:

[Mengikuti maklumat dalam kitab *Syazarat al-Zahab* yang disusun sendiri oleh ulama bermazhab Hanbali iaitu Ibnu Rajab dinyatakan bahawa al-Mizzi merupakan tokoh yang paling tinggi tarafnya dalam bidang **al-Jarh wa l-Ta'dil** sehingga digelar sebagai al-Imam dalam aspek ini. Ini bermakna kedudukan beliau adalah lebih tinggi berbanding Ibnu Taymiyyah sendiri. Al-Mizziy merupakan guru rapat kepada al-Hafiz Ibnu Katsir dan buktinya sehingga anak perempuannya dikahwini oleh Ibnu Katsir. Dan, Ibnu Katsir tidaklah pengikut setia Ibnu Taymiyyah dalam kesemua hal. Sekiranya ada yang berkata bahawa Ibnu Taymiyyah merupakan guru rapat Ibnu Katsir dan ini menunjukkan sikap taksub dan jauh daripada fakta sebenar.]

Dalam *al-Ibar* pula merakamkan peristiwa Ibnu Taymiyyah, pada tahun 705 Hijrah yang didakwa sebagai berikut:

“Dan adalah orang-orang yang mendakwa terhadap Ibnu Taymiyyah dengannya di Mesir bahawa dia

34 Pegangan Sejati Ahli Sunnah Wal Jamaah

berkata: Sesungguhnya al-Rahman berada di atas Arasy dalam betul-betul (duduk) dan Allah berkata-kata dengan menggunakan huruf dan suara. Kemudian diwartakan di Damsyiq dan di lain-lain tempat, barang siapa berada di atas aqidah Ibnu Taymiyyah nescaya halal harta dan darahnya.”

Perlu diingat, sesungguhnya al-Zahabi terkenal dengan sikap amat teliti dalam menghukumkan sesuatu perkara yang dipaparkannya. Berkaitan pendakwaan, sebagaimana dalam *al-Ibar*, al-Zahabi tidak menolak atau mengkritik langsung kisah tersebut. Oleh itu, masyarakat Islam kini tidak berhak dan tidak layak memandai-mandai menolak seratus peratus berita tersebut sebagaimana yang dilakukan oleh Syaikh Abdul Aziz bin Baz dalam *Fatawa lil Lujnah*.. Alasan yang paling tepat untuk mempertikaikan Ibnu Baz ialah jarak masa antara Ibnu Taymiyyah dengan Ibnu Baz terlampau lama. Tambahan pula, kitab-kitab Islam telah banyak hilang di persada ilmu-ilmu Islam akibat perang atau sebagainya dan juga masih banyak kitab yang belum dicetak membantutkan penzahiran fakta-fakta sebenar.

Dari aspek lain pula, Ibnu Daqiqil 'Id turut menyambung kata-kata bahawa Ibnu Taymiyyah ialah seorang yang suka bercakap dan aku terlebih suka diam, itu sebab aku tidak suka bermuzakarah dengannya. (*al-Syazarat*, 6/83). Apabila sikap dan perilaku Ibnu Taymiyyah sedemikian rupa tidak mustahillah Ibnu Taymiyyah berkata seperti mana dakwaan tersebut kerana kata-kata yang banyak sering mengundang penuturnya ke lembah dosa sebagaimana sabdaan Nabi .

Dalam satu penilaian lain yang dilakukan oleh al-Imam Abu l-Hasanat Muhammad Abdul Hayy al-Laknawi al-Hindi dalam *al-Ajwibah al-Fadhilah li l-As'ilah al-Asyrah al-Kamilah* menyatakan bahawa 'Ibnu Taymiyyah. Maka beliau menjadikan sebahagian hadis-hadis yang hasan didustakan dan banyak daripada hadis-hadis yang lemah (*dha'if*) sebagai hadis rekaan (*mawdhu*) kerana mengikuti [cara] Ibnu Jauzi dan lainnya. Bahkan dia mendakwa pada kebanyakan daripada hadis-hadis *mawdhu*' yang dipertikaikan pada kemaudhukannya dan hadis-hadis yang *dha'if* yang disepakati atas kedha'ifannya akan

Faktor-Faktor Syubhah 35

kesepakatan di atas kemaudhukannya dan kedustaannya." [m/s: 174]. Di atas penilaian ini, kita tidak perlu bersikap taksub pada Ibnu Taymiyyah kerana sikap taksub akan membawa perpecahan.

Ini perlu diambil perhatian secara jujur kerana ini melibatkan prinsip dan kaedah Islam. Ramai pengikut Ibnu Taymiyyah menolak pendakwaan tersebut sebagaimana yang sering dinyatakan bahawa Ibnu Batutah telah melakukan fitnah dengan alasan mereka tidak semasa dan hanya menukulkan kata-kata orang tanpa mengambil tahu bahawa al-Zahabi sendiri juga menceritakan tanpa penolakan. Begitu juga, dalam hal ini, Kiyai Sirajuddin Abbas dengan kitab *Itiqad Ahli Sunnah Wal Jamaahnya* dikritik habis-habisan oleh mereka dengan alasan yang serupa.

Saya sendiri telah membaca *Manaqib Ibnu Taymiyyah*. Berkenaan pujian yang diberikan oleh alim-ulama terhadap beliau memang ada dan ini tidak bermakna kesemua fatwa-fatwa beliau mesti diikuti kerana kebenaran tetap kebenaran manakala pendapat yang *dha'if* tetap *dha'if*. Sebagai contoh, Imam al-Syafie'i memang terkenal kealimannya sehingga dalam bidang bahasa Arab tulen diakui sebagai *al-hujjah* namun dalam fatwa beliau yang tertentu tidak boleh diterima pakai, sebagaimana yang ditarjihkan oleh pengikut-pengikut Imam al-Syafi'ei apatah lagi Imam al-Syafie'i mempunyai dua ijthad iaitu Qaul Qadim dan Qaul Jadid.

Biografi Muhammd bin Abdul Wahhab

Dilahirkan pada tahun 1115/1703 dan wafat pada tahun 1206/1792.

Guru-guru:

1. Muhammad bin Sulaiman al-Kurdi al-Madani (1127/1715-1194/1780). Beliaulah yang diceritakan telah berfirasat bahawa Muhammad ibn Abdul Wahhab akan menyesatkan manusia daripada prinsip Ahli Sunnah. Sekalipun firasat tidak dapat dijadikan bukti untuk menentukan sama ada sesuatu perkara itu benar atau tidak kerana ia hanya alasan peribadi. Tetapi kita akan mengikuti sejauh mana kebenaran firasat beliau nanti apabila dibandingkan dengan kenyataan atau realiti yang berlaku.
2. Muhammad ibn Hayah al-Sindi dan beberapa guru lain.

36 Pegangan Sejati Ahli Sunnah Wal Jamaah

Karya Yang Boleh Dipertikaikan:

Dalam kebanyakan karya-karya Muhammad ibn Abdul Wahhab, setelah diteliti, terutama risalah bertajuk *Masa'il al-Jahiliyyah* banyak mengundang syubhat-syubhat yang akan membawa kepada salah faham apabila dibaca oleh pembaca awam sedangkan al-Quran dan al-Hadis menyuruh pendakwah-pendakwah menerangkan secara mudah, jelas, teliti dan seumpamanya. Ini menunjukkan bahawa Muhammad ibn Abdul Wahhab sendiri telah menyalahi sunnah Rasulullah. Ramai pendakwah kini menganggap karya Muhammad Abdul Wahhab cemerlang sehingga dimartabatkan menjadi mujaddid tetapi perlu diketahui seseorang mujaddid tidak

sepatutnya menulis seperti yang terkandung dalam *Masa'ul Jahiliyyah*. Antara kandungannya, sebahagian ayat al-Quran ditujukan kepada Ahli Kitab (seperti Perkara Ke-13) tetapi ditujukan kepada ulama dan shalihin yang dikatakan mengikut fatwanya sebagai sesat.

Fatwa Muhammad bin Abdul Wahhab

Fatwa beliau telah mendapati bahawa ramai penduduk tempatan telah melakukan amalan khurafat seperti menyembah kubur keramat dan sebagainya. Daripada kandungan fatwa ini, terdapat penjelasan Muhammad Abdul Wahhab bahawa ramai manusia telah berada dalam keadaan syirik terutama dalam persoalan tawassul dan bida'ah.

Untuk makluman pembaca, persoalan tawassul hanya merupakan persoalan khilafiyah bukan melibatkan persoalan iktiqad maka penghukuman Muhammad Abdul Wahhab bahawa sebahagian umat Islam telah syirik kerana bertawassul adalah tidak jelas.

Fatwa beliau telah disampaikan kepada ulama al-Haramain (Makkah dan Madinah). Di al-Haramain, terdapat ramai ahli fatwa yang mewakili empat mazhab iaitu Hanafi, Maliki, Syafie'ei dan Hanbali, setelah mereka semua bersidang maka didapati fatwa Muhammad bin Abdul Wahhab telah tidak benar dengan apa yang sebenarnya berlaku dalam masyarakat Islam dan cuma salah tafsiran beliau sahaja.

Muhammad bin Abdul Wahhab telah mendapat tahu berita tersebut lalu dipergunakan pula dengan cara kekerasan dengan bekerjasama dengan Sa'ud untuk menaik dan menegakkan fatwanya itu bagi

Faktor-Faktor Syubhah 37

menyelamatkan manusia. Ini menunjukkan sifat keangkuhan beliau kerana beliau tidak mampu untuk menjawab kenapa dia berfatwa sedemikian rupa setelah ditanya oleh ulama al-Haramain. Dari sudut lain pula, fatwa beliau tidak dilayan kerana hujah-hujah dalam fatwanya tidak kuat dan tidak realiti.

Untuk penambahan maklumat, berikut ini disenaraikan mereka yang bertugas sebagai ahli fatwa di al-Haramain:

1. al-Mufti Muhammad ibn Ibrahim al-Kurani (w.1145H)
2. al-Muhaddith Muhammad Hayah al-Sindi (w.1163H)
3. al-Muhaddith Muhammad Sa'id ibn Muhammad Sunbul (w.1175H)
4. al-Mufti Ja'far ibn Hasan al-Barzanji al-Madani (w.1177H)
5. al-Hafiz Abdul Qadir ibn Khalil Kadak (w.1185H)
6. Muhammad Shadiq al-Sindi (1125-w.1187H)
7. Muhammad ibn Abdul Karim al-Samman (w.1189H)
8. Muhammad ibn Sulaiman al-Kurdi (w.1194H)
9. Ibrahim al-Ra'is al-Zamzami (w.1195H)
10. Ali ibn Abdul Barr al-Wana'iy (1170-w.1211H)
11. al-Mufti Abdul Ghani ibn Muhammad Hilal (w.1212H)
12. al-Muhaddith Muhammad Thahir ibn Muhammad Sunbul (w.1218H)
13. al-Muhaddith al-Musnid Shalih ibn Muhammad al-Fullani (1166-w.1218H).

Dalam Ahli Sunnah, setiap perbuatan yang dilakukan oleh hamba adalah dengan keizinan serta dijadikan oleh Allah. Perbuatan tawassul adalah dibenarkan selagi hati masih meyakini bahawa hanya Allah sahaja yang dapat memberi *bekas* dan kesan kepada sesuatu perkara dan perbuatan bertawassul merupakan sebab. Hal ini, semua umat Islam yang belajar tahu dan faham. Tetapi Muhammad Abdul Wahhab tidak berhati-hati dalam fatwanya dengan menyatakan semata-mata bid'ah dan syirik.

Dan Muhammad Abdul Wahhab telah berani memperkatakan sesuatu yang melibatkan aqidah seperti yang terdapat dalam *Kitab ul-Tawhid*. *Kitab ul-Tawhid*, saya dapati banyak fatwa-fatwa yang samar-samar (*syubhat*) dan menyebabkan pembaca boleh salah faham. Begitu juga, dalam soal pemetikan pendapat, Muhammad Abdul Wahhab cenderung kepada fatwa Ibnu Taymiyyah, Ibnu Qayyim, dan lain-lain yang simpati dengan aliran mereka.

Di samping itu juga, Muhammad bin Abdul Wahhab tidak seteruk ulama kini yang mengaku mengikuti beliau dalam usaha *islah* agama Islam.

Akibatnya:

Seorang ulama yang bernama Ahmad Zaini Dahlan yang dilantik sebagai Ketua Ulama dan Mufti Mazhab Syafi'ei di Makkah telah mengeluarkan fatwa bahawa ajaran Muhammad Abdul Wahhab sebagai sesat. Fatwa ini disebut dalam kitab *Fitnatul Wahhabiyyah*. Kini, kitab ini diperlakukan oleh pengikut Wahhabi sebagai pendusta besar.

Sikap dan penolakan segera oleh pengikut-pengikut Muhammad Abdul Wahhab terhadap karya Ahmad Zaini Dahlan, akan ditinjau mengikut kriteria *al-jarh wa l-ta'dil*. Ini penting kerana pada zaman itu umat Islam mengikuti kaedah riwayat dan dirayat dalam pendidikan tidak mengikuti langsung metode barat dalam metode penerimaan ilmu seperti yang diamalkan oleh institusi universiti moden kini. Metode penyelidikan riwayat dan dirayat sebegini telah diamalkan sepanjang 13 abad Hijrah bahkan termasuk ijma Ahli Sunnah Wal Jamaah.

Dalam isu ini, dua perkara besar yang terlibat:

1. Sumber berita tentang Muhammad bin Abdul Wahhab sendiri.
2. Kedudukan berita dan isu yang dibawakan oleh Muhammad bin Abdul Wahhab yang disampaikan oleh Ahmad Zaini Dahlan. Sebagaimana pendedahan saya dalam majalah *Tamadun*, Julai, 1999, dengan jelas, saya memaparkan metode ini. Melalui metode ini kita boleh memastikan tsiqah, jujur, kuat ingatan dan sebagainya dari segi

Faktor-Faktor Syubhah 39

pengujian sesuatu berita itu benar atau tidak. Sekiranya sesuatu maklumat itu diterima melalui tokoh yang jujur dan amanah atau melalui perkhawaran mutawatir maka perlu diterima sekalipun menyalahi akal biasa kerana Muhammad Abdul Wahhab manusia biasa dan tidak *maksum*. Berikut ini dipaparkan perawi berhubung isu Muhammad bin Abdul Wahhab ini:

Guru-guru Ahmad Zaini Dahlan:

1. Syaikh Abdullah bin Abdurrahman Siraj al-Makki al-Hanafi. Dilahirkan pada tahun 1200 H. Gurunya ialah Abdul Malik al-Qal'iy, Abdul Hafiz 'Ujaimi, Umar bin Abdu Rabbi Rasul, Abdullah Sarraj. Mengajar di Masjidil Haram.
2. Syaikh 'Ustman bin Hasan al-Dimyathi. Tokoh ini memperlihatkan beliau menggabungkan ilmu di al-Azhar dengan ilmu di Makkah ekoran perpindahan beliau ke Makkah. Guru utama beliau ialah al-Mujaddid Syaikhul Azhar Abdullah al-Syarqawi (w.1226H).
3. Abdurrahman bin Muhammad yang terkenal dengan gelaran *al-Kuzbari al-Shaghir*. Dilahirkan pada tahun 1184/1771 dan wafat ketika melakukan haji pada tahun 1262H/1846M. Penduduk Damsyik. Tokoh ini amat arif berkenaan ilmu hadis sehingga dimartabatkan menjadi Muhaddith Negeri-Negeri Syam. Karya sanadnya bertajuk Tsabat al-Kuzbari ada pada tangan saya. (*al-Alam*:3/333)
4. Muhammad bin Husain al-Kutbiy
5. Abdurrahman bin Hasan al-Jabarti.

Ahmad Zaini Dahlan dilahirkan pada tahun 1231/1817 dan wafat pada tahun 1304/1886. Digelarkan Syaikhul Islam dan Ketua bagi Seluruh Ulama Makkah. Jarak masa antara beliau dengan Muhammad Abdul Wahhab lebih kurang 27 tahun sahaja. Mengikut ilmu riwayat hanya seorang perawi sahaja telah membolehkan berita yang dikisahkan itu diterima kerana sanadnya yang tinggi. Guru utama dalam riwayat, Ahmad Zaini Dahlan telah memilih Utsman al-Dimyathi al-Azhari al-Makki kemudian diikuti oleh Abdurrahman al-Kuzbariy.

Penelitian Tentang Cerita Firasat:

Firasat Syaikh Muhammad Sulaiman al-Kurdi al-Syafi'ei, menyatakan bahawa a Muhammad ibn Abdul Wahhab akan menyesatkan umat Islam. Firasat adalah satu

kemungkinan tetapi kenyataannya ialah isi firasat tersebut mencerminkan kenyataan yang berlaku. Kenyataan bagi mengesahkan firasat tersebut ialah karya saudara kandungnya sendiri dan juga selaku gurunya, Sulaiman bin Abdul Wahhab, bertajuk *al-Shawa'iq al-Ilahiyyah*.

Keberanian saya memetik firasat ini kerana Ahmad Zaini Dahlan mempunyai sanad dan ada perkaitan ilmu dengan penuturnya:

Ahmad Zaini Dahlan daripada *Muhaddith Syam Abdurrahman al-Kuzbariy* daripada *al-Hafiz al-Hujjah* (hafalan 300,000 hadis) *Abdullah al-Kurdi al-Madani* daripada *al-Muhaddith al-Musnid Muhammad bin Sulaiman al-Kurdi al-Madani* yakni guru bagi Muhammad Abdul Wahhab.

Dalam isu Muhammad bin Abdul Wahhab tidak ada langsung Abdurrahman al-Kuzbari menolak kata-kata Muhammad Sulaiman al-Kurdi sedangkan beliau merupakan tokoh utama dalam bidang periwayatan hadis yang terkenal di dunia Islam seluruhnya. Kesimpulannya, perawi-perawi tersebut takkanlah suka membohongi orang sedangkan mereka ialah tokoh penting pada zaman mereka.

Murid Muhammad bin Abdul Wahhab sendiri iaitu Syaikh Abdurrahman bin Hasan (1196-w.1285H) yang mentafsirkan *Kitab ul-Tawhid* (*Qurrat 'Uyun*, 224) dengan menyatakan bahawa Muhammad Abdul Wahhab menolak kesahihan bertawassul dengan orang-orang mati yang shalih. Ini bercanggah dengan fatwa Muhammad Abdul Wahhab sendiri dalam *Fatawa Muhammad Abdul Wahhab*, bahagian ketiga, 28. Dalam penelitian saya, fatwa beliau agak keliru dan tanpa penjelasan yang nyata dan lemah dan ini boleh mengesahkan hukuman sesat oleh Syaikh Ahmad Zaidi Dahlan.

Pengikut-pengikut Wahabi:

Pengikut-pengikut Wahabi kini secara jelasnya tetap memperakui bahawa Muhammad Abdul Wahhab bukanlah seorang pendiri mazhab baru tetapi cuma mengikuti mazhab Hanbali. Golongan ini dikenali sebagai *salafi*. Sebelum itu, kita harus ukur adakah benar pengakuan sebagai *salafi* itu benar atau tidak ?

Penelitian saya:

Sebelum mengesahkan adakah benar atau tidak Muhammad Abdul Wahhab atau pengikut-pengikutnya masih mengikuti mazhab Hanbali atau tidak ? Marilah kita ikuti satu kriteria atau piawaian penting di bawah ini.

Seorang murid Ibnu Taymiyyah sendiri yang bernama Ibnu al-Qayyim telah menegaskan bahawa Imam Ahmad bin Hanbal bersumberkan lima perkara dalam sumber perundangan Islam:

1. al-Nusus iaitu al-Quran dan al-Hadis;
2. Fatwa Sahabat yang tidak ada bingkangan;
3. Fatwa sahabat yang mempunyai bingkangan tetapi beliau memilih fatwa yang paling hampir kepada al-Nusus;
4. Hadis Mursal dan Hadis Dha'if yang diriwayatkan oleh perawinya yang tidak sampai ke darjat al-thiqah;
5. al-Qiyas digunakan ketika masa darurat sahaja.

Perlu diingat bahawa hadis mursal adalah termasuk hadis dha'if mengikut pengklasifikasian ilmu mushtalah hadis. Kini, didapati pengikut-pengikut Salafi menolak mentah-mentah hadis dha'if termasuk hadis-hadis yang diperselisihkan ulama hadis tentang kesahihannya seperti yang dilakukan oleh Nashiruddin al-Bani. Dalam penelitian saya, Nashiruddin nampaknya telah berlagak pandai sehinggakan dia cuba meragui kesahihan hadis-hadis dalam Sahih al-Bukhari dan Muslim. Golongan *salafi* ingin melakukan pembinaan semula sumber hukum-hakam Islam mengikut fikiran mereka dan memberanikan diri berijtihad sendiri sedangkan mereka kebanyakannya tidaklah pernah sampai ke tahap-tahap mujtahid mutlak.

Pada hemat saya, semakin jelas mereka mempergunakan mazhab Hanbali bagi menutup

kegiatan mereka. Dalam pada itu, sebenarnya mereka telah melanggar sumber yang telah digariskan oleh Imam Ahmad sendiri dalam penentuan hukum-hakam. Oleh itu, layak bagi kita meminggirkan mereka daripada

42 Pegangan Sejati Ahli Sunnah Wal Jamaah

mazhab Hanbali atau sekurang-kurangnya meletakkan mereka dalam mazhab Hanbali tetapi pada kedudukan yang paling lemah (*dha'if jiddan*) dalam berfatwa.

Seperkara yang menjadi serius iaitu sikap keras mereka terhadap yang mengikuti selain mazhab Hanbali dan ini sememangnya bertentangan dari segi etika serta sikap berilmu dalam Islam.

Dalam satu perkembangan lain, setelah Makkah dan Madinah berada di bawah kekuasaan Wahhabi. Sikap keras penyokong Muhammad Abdul Wahhab nampaknya tidak digemari oleh Mufti Pertama Arab Saudi sendiri yang bernama al-Imam Muhammad ibn Ibrahim Alu al-Syaikh (1311/1893-w.1389H/1969M). Beberapa peristiwa telah terjadi, antaranya, sebagaimana yang dipaparkan oleh al-Syaikh Abdul Fattah Abu Ghuddah dalam kitab *Tarajim Sittah*.

1. Syaikh Abdul Aziz ibn baz sering berfatwa bahawa talaq yang diucapkan talaq tiga hanya satu talaq sahaja yang jatuh. Fatwa ini tidak diminati oleh Mufti Pertama Arab Saudi tadi kerana menyanggahi jumhur ulama.

2. Syaikh Abdul Aziz ibn Baz melakukan solat tarawih hanya sebelas rakaat di Jami' al-Riyadh. Kejadian ini menyanggahi solat tarawih rakyat umum. Manakala Mufti Arab Saudi Pertama melarang berbuat demikian dan memerintahkan supaya solat tarawih seperti biasa iaitu 20 rakaat dan witr sebagaimana yang dilakukan oleh Jumhur Ulama.

Dalam kenyataan lain, Syaikh Abdul Fattah Abu Ghuddah berkata, "adalah Syaikh Muhammad ibn Ibrahim (Mufti Arab Saudi Pertama) tidak menyukai pendapat-pendapat yang bercanggah dengan orang ramai (*syadz*) dan paling menjauhkan diri daripada pengikut, penyeru pendapat yang berbentuk demikian. Dan, tidak melihat cara mereka boleh membawa kepada kebaikan dan petunjuk dan menganggap kebaikan ialah bersama jamaah." Dan "dengan ini dapat diketahui galakan al-Imam Muhammad ibn Ibrahim berada di atas kesepakatan jumhur dan menjauhi daripada menyanggahi jamaah...tidak patut seorang pun memberanikan diri menyanggahi orang ramai dengan ijthad dan terkeluar daripada mazhab jumhur."

Faktor-Faktor Syubhah 43

Dalam satu perkembangan terkini, sebagaimana sedia dimaklumi oleh tuan-tuan guru pondok di Pattani, Malaysia dan Indonesia khasnya dan Asia Tenggara amnya yang pernah belajar di Makkah bahawa Muhammad ibn Abdul Qadir al-Mandili al-Makki ialah seorang pengikut setia Wahhabi.

Dalam satu siri lawatan ke Malaysia, Muhammad al-Mandili telah membentangkan satu kertas kerja pada 10hb. Julai. 1994 di *Wacana Tokoh-Tokoh Mujaddid Islam* di Universiti Teknologi Malaysia, Kuala Lumpur. Dalam kertas kerja tersebut, beliau telah menjawab tiga syubhat yang dipertuduh terhadap Muhammad Abdul Wahhab.

Dalam menjawab syubhat ketiga terhadap larangan Muhammad Abdul Wahhab dan para pengikutnya daripada membaca *Dala'il ul-Khairat* dan *Syawariq ul-Anwar*. Kenyataan Muhammad al-Mandili telah menggunakan logik yang pada saya menikam diri beliau sendiri. Ini kerana katanya dalam kedua-dua buah kitab tersebut banyak terkandung hadis-hadis *dha'if* dan *maudhu'*. Selanjutnya, Muhammad al-Mandili telah berlagak pandai dengan berani menyatakan bahawa "selawat kepada Nabi s.a.w. adalah merupakan perkara ibadah dan perkara 'qurbah' (mendekatkan diri kepada Allah SWT) yang dibina atas tauqifah di mana ibadah itu hendaklah berpunca daripada al-Quran dan al-Sunnah dan bukannya dicipta oleh manusia. Justeru itu, bagaimana mungkin kita menjadikan selawat-selawat yang dihasilkan oleh pengarang kitab tersebut sebagai ibadah kita setiap hari dan sepanjang minggu."

Kenyataan ini, saya akan adili, terlebih dahulu kita perlu memahami bahawa lafaz yang baik kepada Allah adalah terletak pada tahap yang tinggi melebihi lafaz selawat kepada Nabi . Para

pembaca budiman memang sedia maklum, kita sering membaca kalimah yang direka oleh Imam Muhammad ibn Idris al-Syafie'i di dalam kitab *al-Risalah* yang terkenal itu. Kitab ini diakui oleh pakar-pakar hadis pada zamannya. Kalimah zikir ini memang dicipta oleh Imam Syafie'i yang berada dalam golongan *salaf* sebenar dan Imam Ahmad yang terkenal dalam

44 *Pegangan Sejati Ahli Sunnah Wal Jamaah*

memerangi bid'ah sedikit pun tidak mengkritik Imam Syafie'i. Berikut diperturunkan kata-kata tersebut:

Kalimah-kalimah ini sering dijadikan kata-kata penutup bagi pelbagai kitab oleh para ulama. Dari sini, nampaknya, kita boleh memahami apakah atau bagaimanakah bid'ah akan terjadi ???! Penelitian ini dengan terang boleh menjawab bahawa Muhammad al-Mandili telah berada dalam kekeliruan yang amat sangat dan kemungkinan Muhammad al-Mandili taksud kepada pemikiran Muhammad ibn Abdul Wahhab serta para pengikutnya sehingga sanggup mengeluarkan kata-kata sebegini dan mempermudah hukuman bid'ah tanpa penelitian dan berhati-hati. Hal sebeginilah yang akan membawa perpecahan kepada kesatuan Ahli Sunnah.

Pepatah Orang Melayu

Dari sudut pepatah Melayu yang nampak bertentangan dengan prinsip-prinsip Islam ialah "*orang tua lebih banyak makan garam daripada orang muda.*" Kata-kata ini jika tidak melibatkan ilmu Islam tidak mengapa. Pengalaman tidak boleh mengatasi kebenaran Islam. Pepatah ini juga tidak boleh dijadikan hujah untuk menolak kata-kata yang benar.

Sekiranya orang muda yang berkata mengikut al-Quran dan al-Hadis maka orang tua tetap kena ikut kata orang muda. Ini kerana Islam itu agama yang tinggi nilainya. Tua atau muda bukan ukurannya dan masing-masing ada kelebihan yang tersendiri. Sekiranya dilihat al-Quran dan al-Hadis, didapati tiada yang menghadkan umur seseorang untuk berjuang Islam.

Kebanyakan fahaman yang telah disebutkan menjadi mudah tersebar di kalangan umat Islam terutama kepada mereka yang belajar di institusi-institusi pengajian yang diasaskan oleh barat yang terpengaruh sama ada sedikit

Faktor-Faktor Syubhah 45

atau banyak. Ini bermakna kebimbangan yang dinyatakan oleh al-Syaikh al-Muhaddith Hasan Muhammad al-Masyath (wafat 1399 H.) dalam sebuah risalah bertajuk *al-Zawajir al-Munfirah 'An Idkhal il-Muslimin Auladuhum fi Madaris il-Kafarah*, bertarikh Rabiul Awwal. 1273 H. benar-benar terjadi. Beliau merupakan seorang guru di Masjidil Haram, Makkah yang menentang kemasukan pelajar-pelajar muslim ke dalam institusi-institusi pengajian yang diasaskan serta mengikuti *metode pendidikan* Barat.

Seorang ulama lain iaitu al-Syaikh Yusuf al-Nabhani yang pernah berpolemik dengan Syaikh Muhammad 'Abduh juga turut memberi peringatan sedemikian rupa dalam kitab bertajuk *Irsyad ul-Hayyari fi Tahdzir il-Muslimin Min Madaris al-Nashara*, bertarikh 10. Muharram.1319. Peringatan mereka berdua nampaknya benar-benar berlaku apabila pada hari ini, Allah telah membongkarkan kegiatan yang mencenderungkan diri kepada barat dengan mengilhamkan kepada Dr. Ahmad Ghorab menyusun buku bertajuk *Subverting Islam: The Role of Orientalist Centres* pada tahun 1995 bagi

46 *Pegangan Sejati Ahli Sunnah Wal Jamaah*

memaparkan kegiatan di sebalik tabir tersebut. Kegiatan sebeginilah sebenarnya yang akan menghancurkan serta memupuskan ciri-ciri Islam sedikit demi sedikit hingga terikut-ikut dengan cara barat dalam menerima ilmu-ilmu Islam. Unsur-unsur ini sedikit demi sedikit akan

menghilangkan kewibawaan ilmu-ilmu Islam di kalangan umat Islam sendiri.

Kesan daripada amalan era moden ini kemungkinan kefahaman-kefahaman aqidah yang akan dibentangkan mula diragui sedikit demi sedikit kerana mula terpengaruh dengan fahaman-fahaman yang telah diadun oleh barat bagi merosakkan aqidah umat Islam. Pada hari ini, dapat dibuktikan, terdapat mereka yang mula mempertikaikan Mikraj Nabi Muhammad dengan roh dan jasad dengan menggunakan metode rasional.

Sebagai langkah berjaga-jaga, orang ramai perlu mengambil sikap tidak menjadikan fahaman yang lahir pada zaman ini sebagai pegangan yang sah sebelum diperiksa, dikaji, diteliti selok-belok sesuatu pemikiran itu bercanggah dengan ketetapan aqidah Islamiah.

Kesemua fakta atau maklumat yang disebutkan adalah merupakan peringatan akan segala perancangan kuffar sama ada, ia dari Yahudi atau Kristian, dalam menghancurkan kewibawaan umat Islam sebagai umat terbaik (*khairul ummah*). Mereka, kuffar, sanggup mengkaji agama Islam semata-mata untuk mengelirukan umat Islam dan sehingga tidak yakin serta meragui keupayaan agama Islam sendiri dalam mentadbir

Faktor-Faktor Syubhah 47

kehidupan. Ini terbukti dengan nyata dengan wujudnya golongan orientalis. Segelintir orientalis sahaja yang menyelidik secara jujur yang akhirnya mereka sendiri yang memeluk agama Islam.

Apa yang akan penulis bentang dalam buku ini memang ada kaitan dengan apa yang sedang berlaku di kalangan umat Islam. Pemikiran yang dicanangkan oleh Barat terhadap umat Islam hampir berjaya mengelirukan pemikiran umat Islam sendiri. Golongan yang termasuk di bawah pemikiran orientalis ialah mereka yang dididik oleh unsur-unsur pengajaran orientalis. Penulis rasa para pembaca sendiri pernah tahu bahawa salah satu agenda Barat untuk menghancurkan Islam ialah dengan menjauhkan umat Islam daripada ulama.

Para ulama dialu-alukan oleh mereka yang berkepentingan serta berfahaman sekular agar mempertikai kewibawaan para ulama. Para ulama ditohmah dengan pelbagai kekejian. Apabila ulama sudah tidak boleh dipercayai oleh umat Islam maka sudah tentu kefahaman Islam akan rosak.

Perlu diingat sekali lagi, sebagai bukti, antara perkara yang dipengaruhi oleh Barat ke dalam sistem pendidikan Islam masa kini ialah pengesahan ilmu daripada universiti tanpa disebutkan siapakah yang meluluskan pengesahan tersebut dan menghilangkan metode sanad dalam pengajian al-Quran dan al-Hadis. Kejahilan orang ramai terhadap pengesah boleh dianggap sebagai satu pengesahan yang tidak bertanggung jawab mengikut kriteria hadis. Ia juga boleh dipersoalkan adakah pengesah tersebut jujur dalam berilmu atau tidak, cenderung kepada fahaman barat atau tidak. Ini semua mempengaruhi graduan dalam pengajian dan akhirnya, ilmu yang ada akan diajar pula kepada orang ramai. Dalam peninjauan saya, terdapat pandangan atau pemikiran yang asing kini meresap masuk dalam Islam telah diajar oleh mereka yang tidak bertanggung jawab.

Sistem pengajian sedemikian rupa masih boleh dipersoalkan oleh umat Islam kerana secara jelas ia bercanggah dengan sistem *salaf us-shalih*. Dalam metode salaf us-shalih, pengajian ilmu Islam ialah mengikut pengajian metode hadis dengan mementingkan penyebutan serta kesahihan perawi. Ini sebagaimana dinyatakan oleh Syaikhul Fiqh wa l-Isnad, Sayyid Muhammad bin al-Muhaddith Alawi al-Maliki al-Makki:

48 Pegangan Sejati Ahli Sunnah Wal Jamaah

“Kesimpulannya, sesungguhnya sanad-sanad sebagai mana kata Imam al-Nawawi [adalah] sebahagian perkara yang penting yang dituntut di mana sepatutnya bagi pengajar ilmu dan penuntutnya mengetahui sanad. Kejahilan [tentang] sanad-sanad dikeji bagi [pelajar dan guru] kerana guru-guru bagi manusia dalam ilmu pengetahuan ialah bapa-bapa dalam agama dan perhubungan antara dia dan Allah, Pentadbir Alam Semesta.”

Apabila nama perawi bagi sesuatu berita itu gagal dipaparkan maka berita tersebut tidak

boleh diterima. Ini yang telah dilakukan oleh para pemuka hadis yang terkenal. Sebagai contoh, pengkhabaran tentang Muktaizilah sebagai sesat dan fasiq adalah disampaikan melalui perawi yang sah. Berkaitan dengan keadaan ini juga, Dr. Ahmad Abdul Hamid Ghorab memperingatkan kembali metode pegajian as-salaf us-shalih. Kata beliau:

“Termasuk di bawah metode ini bahawa tidak harus seseorang yang beragama Islam menerima ilmu agamanya

Faktor-Faktor Syubhah 49

daripada sumber atau peribadi yang ada hubung-kait bagi salah satu golongan yang berikut:

1. *golongan berfahaman orientalis.*
2. *golongan al-Mubassjirin (misionaris).*
3. *golongan yang berfahaman komunis*
4. *golongan berfahaman sekular*
5. *orang Islam yang menjalani hidup dengan ada unsur-unsur kaitan kebudayaan bagi salah satu daripada golongan-golongan tersebut.”*

Kembali kepada situasi kini, sepatutnya pihak universiti dapat mengembalikan metode yang diperakukan sejak berkurun-kurun lama. Dengan ungkapan lain, umat Islam perlu kepada sistem pengajian yang tersendiri yang bukan hanya merupakan cedokan metode barat dalam segenap hal. Demi untuk mencapai kemajuan kepada tamadun umat Islam agar tidak bergantung kepada tamadun Barat. Kesedaran ini perlu diperluaskan kerana:

1. Islam telah bertapak pada kebanyakan penduduk dunia.
2. Semakin ramai penduduk dunia ingin mengenali Islam.
3. Agar perindu dan pencinta akan ajaran Islam tidak diselewengkan kefahamannya.
4. Tamadun Islam dapat dibina dengan cita rasa yang tersendiri tanpa bergantung kepada perkara asasi barat dalam pembangunan serta penjaminan kesinambungan tamadun.

Sejarah Ringkas Perkembangan Ahli Sunnah Bermula Zaman Nabi Muhammad Hingga 500 Hijrah

Ahli Sunnah merupakan mazhab atau satu aliran kefahaman terhadap al-Quran dan as-Sunnah yang diiktiraf sebagai benar oleh Nabi Muhammad . Aliran ini juga dinamakan sebagai Ahlul Haqq dan seumpamanya.

Pada zaman Nabi Muhammad dan seluruh masyarakat Islam kecuali orang munafik ialah penganut Ahli Sunnah. Ketenangan dan naungan al-Quran dan sabda Nabi Muhammad menjadi penyelamat bagi segenap manusia yang ingin akan kebenaran yang boleh membawa kepada selamat di dunia dan di akhirat. Namun ada juga halangan dalam menggerakkan umat. Halangan tersebut lahir daripada golongan munafik di Madinah. Ketua golongan munafik tersebut ialah Abdullah bin Ubayy bin Salul. Dari pemecahan yang Allah telah isyarat dalam al-Quran di mana pada masa itu telah wujud golongan muslim tulen dan muslim munafik. Boleh dikatakan bahawa golongan Islam tulen adalah pembentuk mazhab Ahli Sunnah atau mazhab Ahlul Haqq manakala golongan munafik telah terkeluar daripada golongan Ahlul Haqq.

Setelah kewafatan Nabi Muhammad , pada zaman Abu Bakar telah wujud golongan yang ingkar kepada ajaran Islam maka Sayyiduna Abu Bakar telah memerangi mereka semata-mata kerana mereka enggan membayar zakat kepada kerajaan Islam. Diikuti pula, zaman pemerintahan Sayyiduna Umar yang merupakan amat terkenal dengan sikap *al-faruqnya* yakni sebagai pembeza antara benar dan salah . Diikuti lagi oleh pemimpin Ahli Sunnah iaitu Sayyiduna 'Utsman bin 'Affan yang dibunuh oleh seorang munafik . Pada zaman beliau telah timbul perpecahan seperti ramalan Rasulullah . Kemudiannya setelah Sayyiduna Ali memegang tampuk pemerintahan timbul kekacauan

Sejarah Ringkas Perkembangan Ahli Sunnah 51

dunia Islam.

Dari segi ijtihadnya, Sayyiduna Ali dan Sayyiduna Mu'awiyah telah berlaku sedikit perselisihan faham. Akhirnya, berdamai dengan berlaku majlis Tahkim di mana majlis ini telah membawa kepada pengekalan Sayyiduna Mu'awiyah. Daripada peristiwa ini maka sebahagian umat Islam yang kurang jujur dalam memeluk Islam dan tidak memahami Islam dengan sepenuh hati telah merubah haluan seperti mewujudkan golongan Syiah, al-Khawarij, al-Qadariyyah dan lain-lain.

Apabila isu-isu ini berlaku maka pihak golongan sahabat dan pengikut setia di kalangan tabi'in berusaha membendung kegiatan-kegiatan yang menentang kebenaran Ahli Sunnah. Golongan Penentang memulakan sikap revolusi terhadap para sahabat dengan menggunakan ilmu tauhid sebagai alasan untuk melakukan penentangan. Ilmu Tauhid yang mereka pegang adalah tauhid yang berasaskan hawa nafsu kerana Nabi Muhammad sendiri telah berpesan agar mengikuti sunnah khulafa' al-rasyidin dan mereka yang mengikuti mereka.

Sebagai peringatan, pertikaian antara Sayyiduna Ali sebagai khalifah dengan Sayyiduna Mu'awiyah, menurut Ahli Sunnah, ialah melibatkan soal ijtihad masing-masing. Yang benar dapat dua pahala manakala yang tersilap dapat satu pahala. Ahli Sunnah melarang umat Islam mempertikai serta menghukum sesat kepada para sahabat yang terlibat dalam pertikaian tersebut.

Ahli kalam pertama dalam peringkat sahabat ialah Sayyiduna Ali. Ini dapat dibuktikan melalui perdebatan beliau dengan pihak al-Khawarij tentang persoalan al-wa'd dan al-wa'id dan juga perdebatan beliau dengan pihak al-Qadariyyah tentang persoalan Qadha' dan Qadar, masyiah dan istitha'ah. Kemudian diikuti pula oleh Abdullah bin Umar dalam penyangkalannya terhadap al-Qadariyyah.

Sekitar 101 hingga 200 Hijrah

Selepas peringkat sahabat, tiba giliran tabi'in pula untuk meneruskan perjuangan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Tokoh awal dari kalangan tabi'in iaitu Khalifah Umar bin Abdul Aziz. Beliau mempunyai sebuah risalah yang hebat dalam mengkritik al-Qadariyyah.

52 *Pegangan Sejati Ahli Sunnah Wal Jamaah*

Selepas golongan peringkat tersebut, al-Imam Ja'far bin Muhammad al-Shadiq (1.80-w.148H) pula dengan peranannya menegakkan fahaman Ahli Sunnah. Beliau menulis sebuah kitab menyangkalkan al-Qadariyyah, sebuah kitab menyangkal al-Khawarij dan sebuah risalah menyangkal penderhaka dari kalangan Rafidhah. Ja'far al-Shadiq pernah berkata:

“Muktazilah hendak mengesakan Tuhannya lalu terjadi mulhid dan Muktazilah hendak meletakkan sifat adil kepada Tuhannya maka Muktazilah menisbahkan sifat bakhil kepada Tuhannya.”

Golongan ahli fiqh yang memperjuangkan kefahaman Ahli Sunnah yang awal ialah Abu Hanifah (w.150H). Imam Abu Hanifah termasuk golongan tabi'in dan sempat bertemu dengan beberapa orang sahabat Nabi Muhammad, antaranya:

- Abdullah bin al-Harits al-Zabidiy. Daripadanya, Abu Hanifah meriwayatkan hadis berbunyi: “*Sesiapa yang belajar kefahaman dalam agama Allah pasti Allah mencukupkannya hemah dan rezekinya dari mana-mana (sumber) yang dia tidak ketahui.*”

Sejarah Ringkas Perkembangan Ahli Sunnah 53

- Abdullah bin Unais
- Abdullah bin Abi Aufa
- Anas bin Malik al-Anshariy
- Jabir bin Abdullah al-Anshariy
- Wastilah bin al-Asqa'
- Aisyah binti 'Ajrada.

Ini bermakna Imam Abu Hanifah teguh dalam ilmu pengetahuannya dan beliau termasuk dalam

hadis yang mengatakan bahawa kaum yang terbaik dari kalangan umatku ialah semasa denganku kemudian semasa dengan sahabat dan semasa dengan tabi'in.

Antara jasanya ialah perdebatan yang terkenal dalam sejarah perjuangan tauhid ialah antara beliau (ketika berumur belasan tahun) dengan alim al-Dahriy. Kisahnya seperti berikut:

Kata al-Dahri:

Masih adakah ulama kamu yang tinggal (yakni belum berbahas denganku ?

Jawab orang ramai:

Masih tinggal Hammad.

Kata al-Dahri:

Bawalah dia datang, wahai Khalifah, supaya dia boleh berbicara bersamaku.

Maka pihak khalifah memanggil Hammad.

Kata Hammad:

Berilah aku masa satu malam.

Apabila waktu pagi datang muridnya iaitu Abu Hanifah yang masih budak-budak dan mendapati gurunya keresahan.

Maka Abu Hanifah bertanya Hammad tentang sesuatu.

Jawab Hammad:

Bagaimana tidak aku keresahan sedangkan aku diperintahkan untuk berbahas dengan al-Dahri. Dan al-Dahri telah mengalahkan semua ulama dan aku telah bermimpi buruk.

Kata Abu Hanifah:

Mimpi apa dia ?

Jawab Hammad:

54 Pegangan Sejati Ahli Sunnah Wal Jamaah

Aku bermimpi sebuah negeri yang luas yang dihiasi, padanya terdapat pokok yang berbuah lalu keluar dari tengah-tengah negeri seekor babi lalu ia makan buah, daun dan dahan pokok sehingga tidak ada satu benda kecuali batang pokok berkenaan. Keluar dari batang itu seekor singa maka membunuh babi berkenaan.

Kata Abu Hanifah:

Sesungguhnya Allah telah mengajar aku takbir mimpi. Mimpi ini adalah kebaikan bagi kita, keburukan bagi musuh-musuh kita. Sekiranya tuan guru mengizinkan aku menghuraikan mimpi berkenaan pasti aku huraikan.

Jawab Hammad:

Takbirkanlah, wahai Nukman.

Kata Abu Hanifah:

Negeri yang luas yang dihiasi adalah negeri Islam. Pokok yang berbuah adalah ulama. Batang pokok yang masih tinggal itu ialah engkau (wahai guru). Babi itu ialah al-Dahri manakala singa yang membinasakan babi itu ialah aku. Maka aku hendak pergi bersamamu. Maka dengan berkat dan hadratmu aku dapat bertutur bersama al-Dahri serta dapat aku mendebatinya lantaran itu, Hammad gembira.

Kemudian Hammad dan Abu Hanifah lantas menuju ke masjid al-Jami. Sejurus al-Khalifah sampai dan ramai manusia berkumpul di Majlis Hammad dalam masjid itu. Abu Hanifah berdiri dengan kasut di atas tempat duduknya sambil mengangkat sepatu beliau dan guru beliau. Maka hadis al-Dahri dan menaiki mimbar masjid lantas berkata:

Siapakah yang akan menjawab soalanmu ?

Jawab Abu Hanifah:

Apakah perkataan ini, tanyalah maka siapa yang tahu akan menjawab persoalanmu !

Kata al-Dahri:

Siapakah kamu wahai budak !, engkau hendak berdebat denganku, sedangkan sudah berapa ramai ulama yang berumur dan memakai serban besar, memakai pakaian yang hebat dan memakai lengan baju yang besar sebenarnya mereka lemah menjawab pertanyaanku. Oleh itu, bolehkah engkau berdebat denganku bersama usiamu yang amat muda dan diri yang hina.

Jawab Abu Hanifah:

Tidaklah Allah meletakkan kemuliaan dan ketinggian bagi mereka yang berserban besar ,

berlengan baju besar tetapi Allah meletakkan ketinggian dan kehebatan bagi para ulama.

Kata al-Dahri:

Adakah engkau yang akan menjawab soalanku ?

Jawab Abu Hanifah:

Ya ! Aku yang akan menjawab soalanmu dengan taufiq Allah.

Kata al-Dahri:

Adakah Allah itu wujud ?

Jawab Abu Hanifah:

Ya !

Kata al-Dahri:

Dimanakah wujud-Nya. ?

Jawab Abu Hanifah:

Tiada bertempat kewujudan bagi-Nya.

Kata al-Dahri:

Bagaimanakah wujud tanpa tempat bagi-Nya ?

Jawab Abu Hanifah:

Dalil ini ada pada badan engkau.

Kata al-Dahri:

Apa dia ?

Jawab Abu Hanifah:

Adakah ruh ada pada jasad engkau ?

Kata al-Dahri:

Ada !

Jawab Abu Hanifah:

Dimanakah ruh engkau berada ? di kepala atau di perut engkau atau di kaki engkau ?

Maka terkeju al-Dahri dengan soalan balas Abu Hanifah. Kemudian Abu Hanifah meminta susu dan lantas berkata:

Adakah dalam susu ini ada racun ?

Kata al-Dahri:

Ada !

Kata Abu Hanifah:

Dimanakah letaknya racun itu, di atas atau di bawahnya. Terkejut al-Dahri.

Selanjut Abu Hanifah berkata:

Sepertimana tidak diketahui bagi ruh ada tempat di dalam badan dan tidak diketahui tempat racun di dalam susu. Begitulah tidak diketahui bagi Allah dalam alam ini akan tempat.

Kemudian al-Dahri berkata:

Apakah sebelum dan sesudah Allah ?

56 Pegangan Sejati Ahli Sunnah Wal Jamaah

Jawab Abu Hanifah:

Tiada sesuatu pun sebelum dan sesudah-Nya !

Kata al-Dahri:

Bagaimanakah engkau dapat dibayangkan kewujudan yang tiada apa-apa sebelum dan sesudah-Nya ?

Jawab Abu Hanifah:

Dalil ini ada pada badanmu juga !

Kata al-Dahri:

Apa dia ?

Abu Hanifah membuat persoalan:

Apakah sebelum ibu jarimu dan dan apakah selepas jari kelengkingmu ?

Jawab al-Dahri:

Tiada sesuatu pun sebelum ibu jariku dan tiada sesuatu pun selepas jari kelengkingku.

Abu Hanifah menerangkan:

Begitulah Allah yang tiada sesuatu sebelum dan selepas-Nya.

Kata al-Dahri:

Ada satu soalan masih ada.

Kata Abu Hanifah:

Aku akan menjawabnya, insya Allah.

Soal al-Dahri:

“Apakah pekerjaan Allah sekarang ?”

Kata Abu Hanifah:

“Sesungguhnya engkau menyalahi protokol perbahasan. Sepatutnya orang yang menjawab berada di atas mimbar manakala orang yang bertanya berada di bawah mimbar maka bolehlah aku menjawab soalan engkau sekiranya engkau turun.”

Lalu al-Dahri pun turun ke bawah mimbar dan Abu Hanifah pun naik di atas mimbar. Bila mana Abu Hanifah duduk di atas mimbar, al-Dahri mengemukakan soalan tadi lantas Abu Hanifah menjawab dengan kata-kata:

“Pekerjaan Allah sekarang ialah menggugurkan orang yang batil seperti engkau dari atas (mimbar) turun ke bawah (mimbar) dan menaikkan orang yang benar seperti aku dari bawah (mimbar) ke atas (mimbar).”

Sejarah Ringkas Perkembangan Ahli Sunnah 57

Kegigihan guru diperturunkan pula kepada muridnya iaitu Muhammad bin al-Hasan al-Syaibani (w.189H.)

Sekitar 201-300 Hijrah

Imam Muhammad bin Idris yang terkenal dengan al-Syafi'ei sebagaimana dinyatakan oleh al-Baghdadiy, merupakan ahli kalam yang kedua selepas Abu Hanifah dan mempunyai dua naskhah kitab dalam ilmu kalam, pertama ialah *Tashih ul-Nubuwwah Wa al-Radd 'ala al-Barahimah* dan kedua ialah bertajuk *al-Radd 'ala Ahl il-Ahwa`*. Imam al-Syafi'ei juga menjadi hujjah di bidang lughah, tsiqah dalam sirah, perawi syair. Ilmu-ilmu ini penting dalam mentafsirka al-Quran dan al-Hadis. Kemudian diikuti oleh para murid mereka.

Ahli kalam pada era pemerintahan al-Makmun ialah Abdullah bin Sa'id al-Tamimi. Kemudian diteruskan oleh al-Junaid dan Abdul Aziz bin Yahya al-Makki al-Kattani (w.240H). Abdul Aziz yang mendengar hadis daripada Sufyan bin 'Uyainah dan juga pengikut mazhab al-Syafi'ei. Pernah berdebat dengan Bisyr al-Marisi dalam majlis yang dikelolakan oleh Khalifah al-Makmun dengan perdebatan yang hebat lalu Bisyr terputus dalam melawan hujah-hujah Abdul Aziz seterusnya nyata hujah dan kebenaran terbela di tangan Abdul Aziz. Perdebatan ini amat terkenal di dalam sejarah perjuangan tauhid.

Murid Imam al-Syafi'ei yang terkenal dalam perjuangan tauhid ialah Imam Ahmad bin Hanbal yang dilahirkan pada tahun 164=780 dan wafat pada tahun 241H=855M. Imam Ahmad tetap memperjuangkan bahawa al-Quran itu qadim bukan baharu. Disebabkan pegangan ini, beliau telah diseksa. Ini kerana pihak pemerintah ketika itu berfahaman Muktazilah. Buktinya kisah terkenal sehingga Imam al-Syafi'ei menyampaikan salam ketika Imam Ahmad berada dalam penjara kerana isu tersebut.

Tahun-tahun berikutnya, murid Abdul Aziz tadi bernama al-Husain bin al-Fadhl muncul membantu mazhab Ahli Sunnah. Beliau mengajar manusia dan memberi fatwa bermula dari tahun 217H hingga tahun wafatnya, 282H. ketika berumur 140 tahun.

58 Pegangan Sejati Ahli Sunnah Wal Jamaah

Sekitar 301-400 Hijrah

Golongan hadis yang terkenal memperjuangkan Aqidah Ahli Sunnah ialah Syaikhul Islam Imam ul-A`immah Ibnu Khuzaimah. Wafat pada tahun 311 H. Beliau tidak menafikan perjuangan imam-imam yang berikut sebutannya.

Pada era ini, seorang tokoh yang bernama Abu Manshur al-Maturidi yang wafat pada tahun 333 Hijrah telah bertungkus lumus membela Ahli Sunnah untuk mengembalikan kewibawaannya di kalangan umat Nabi Muhammad . Pembelaannya telah berjaya membina semula kesatuan prinsip Ahli Sunnah. Berikutnya, sumbangan hujahannya dibentuk menjadi mazhab Maturidi. Abu Manshur al-Maturidi sendiri adalah bermazhab Hanafi dalam hujahan fiqhnya dan sekaligus meriwayatkan ilmu-ilmu daripada Imam Agung Abu Hanifah. Buktinya sah sanad ilmu al-Maturidi iaitubeliau berguru dengan Abu Nashr al-'Iyadhi yang berguru dengan Abu Bakar al-Juzjaniy yang bersahabat dengan Abu Sulaiman al-Juzjaniy yang berguru pula dengan Muhammad bin al-Hasan yang merupakan teman rapat sekaligus murid utama Imam Agung Abu Hanifah. Sebenarnya tokoh ini telah mendahului Abu l-Hasan al-Asy'ari dari segi pembelaan. Pengaruhnya lebih ramai di Transxonia dan sekitarnya.

Sepertimana tokoh utama Islam lainnya, al-Maturidi turut meninggalkan murid yang gigih mempertahankan aqidah Ahli Sunnah di persada kebenaran Islam. Mereka ialah:

1. al-Imam Abu Muhammad Abdul Karim bin Musa al-Bazdawiy (wafat 390 H). Dalam penelitian, saya mendapati tokoh ini tercatat dalam kitab sanad susunan al-Syaikh al-Muhaddith Yasin al-Fadani al-Makki yang bertajuk *al-'Iqd ul-Farid*, 43.
2. Abu l-Qasim Ishaq bin Muhammad bin Ismail yang terkenal dengan gelaran al-Hakim al-Samarqandi yang wafat pada tahun 340 H. bersamaan 951 M.
3. al-Imam Abu l-Laits al-Bukhari dan ramai lagi.

Sejarah Ringkas Perkembangan Ahli Sunnah 59

Rangkaian pengikut-pengikut Imam Abu Manshur al-Maturidi digelar dengan nama al-Maturidiyyah.

Di kawasan dunia Islam sebelah lain, lahirnya Abu l-Hasan Ali bin Ismail al-Asy'ari yang wafat pada tahun 325 H. Tokoh ini pada asalnya ialah pengikut mazhab Muktazilah tetapi dengan petunjuk Allah, beliau telah bertaubat dan kembali ke pangkuan Ahli Sunnah serta turut membela Ahli Sunnah ke tempat yang dihormati. Tokoh ini termasuk pemimpin Ahli Sunnah yang lantang dan berjaya menyusun secara sistematik ilmu-ilmu tauhid untuk menentang golongan yang menyeleweng daripada landasan benar.

Sebagai bukti kekukuhan ilmu, diperturun satu kisah beliau selepas perdebatan mempertahankan aqidah Ahli Sunnah dalam satu majlis:

60 Pegangan Sejati Ahli Sunnah Wal Jamaah

Berkata Abdul Qahir al-Bughdadi:

Aku mendengar Abdullah bin Muhammad bin al-Thahir al-Shufi berkata:

Aku melihat Abu l-Hasan al-Asy'ari di Masjid Bashrah dan sememangnya al-Muktazilah telah tercengang dalam perdebatan terbuka.

Lalu berkata kepada Abu l-Hasan oleh sebahagian hadirin:

Sesungguhnya kami mengenali keluasan ilmumu dalam ilmu kalam maka kami hendak bertanya kepadamu tentang masalah yang zahir dalam ilmu fiqh.

Jawab Abul Hasan:

Tanyalah tentang apa yang kamu kehendaki !

Berkata si penyoal kepada Abul Hasan:

Apakah katamu pada solat yang tanpa bacaan al-Fatihah?

Jawab Abul Hasan:

(dengan sanad yang tersebut di atas) Tiada solat bagi mereka yang tidak membaca al-Fatihah.

Berkata (lagi) Abul Hasan:

Abu Hurairah berkata: Rasulullah telah memerintahkan aku menyeru di Madinah bahawa tiada sah solat kecuali dengan membaca al-Fatihah.

Berkata perawi cerita ini iaitu Abdullah al-Shufi:

Maka terdiam si penyoal dan tidak berkata sedikit pun.

Abu al-Hasan al-Asy'ari pula mewakili umat Islam dari kalangan mazhab al-Syafi'ei. Kawasan-kawasan dunia Islam yang disinari oleh pengaruh beliau iaitu di negeri-negeri Khurasan, Iraq, Syam dan di kebanyakan bandar.

Sejarah Ringkas Perkembangan Ahli Sunnah 61

“Kejayaan fahaman Asya'irah pada umumnya mengukuhkan lagi kepercayaan salaf.” Buktinya iaitu ramai ulama hadis tidak menentang cara dan kaedah yang digunakan oleh Abu l-Hasan al-Asyari sekalipun ulama hadis tersebut hanya menulis kitab-kitab tawhid mengikut metode salaf seperti karya susunan Ibnu Khuzaimah. Ini membuktikan bahawa Abu l-Hasan al-Asyari dan pengikut-pengikutnya tidak terkeluar daripada Ahli Sunnah. Apabila mereka mendiamkan diri bermakna mereka menyetujuinya. Pengikut beliau ramai termasuk mereka yang terdiri dari ulama hadis dan ra'yi. Murid beliau yang paling terkenal anjasanya menyelamatkan umat Islam agar tidak mengikuti al-Muktazilah maka ramai ulama memartabatkan diri Abul Hasan al-Asy'ari menjadi tokoh *mujaddid* bagi abad ketiga Hijrah.

Sekitar 401-500 Hijrah

Pada era ini, makin banyak unsur-unsur asing yang merosakkan umat Islam. Perjuangan menegakkan mazhab Ahli Sunnah Wal Jamaah tetap dikekalkan oleh Allah bagi membela agama Islam sekalipun sistem komunikasi pada abad masa itu masih dapat menyaksikan tokoh seperti berikut.

Ketokohan al-Qadhi Muhammad bin al-Thayyib al-Baqillani yang dilahirkan pada tahun 338 H. dan wafat pada tahun 403 H., tinggal di Baghdad, antara tokoh utama pada zamannya yang bertungkus-lumus membantu kesuburan fahaman Ahli Sunnah. Beliau mencapai kemuncak dan memegang kepimpinan dalam aliran al-Asya'irah. Seorang *pengistinbath* yang baik dan

62 Pegangan Sejati Ahli Sunnah Wal Jamaah

tangkas menangkis serangan musuh dalam menjawab kritikan. Ruang lingkup perjuangannya bukan setakat berdepan dengan tukang bid'ah dari kalangan penganut Islam bahkan sanggup berdepan dengan orang kuffar dengan bukti bahawa beliau pernah melalui siri perdebatan di Kostantinopel dengan paderi-paderi Nasrani di hadapan raja mereka sendiri dan ini adalah satu tugas yang paling mencabar. Antara karya beliau iaitu *al-Tamhid* yang disusun untuk berdepan dengan golongan yang berfahaman al-Muktazilah, Rafidhah dan al-Khawarij.

Peranan tokoh seperti Abu Bakar Muhammad bin Husain bin Furak (w.406H.) juga tidak boleh diabaikan. Berikutnya, muncul Ruknuddin Abu Ishaq Ibrahim bin Muhammad al-Asfarayini yang wafat pada tahun 418 H. Tokoh ini bukan setakat hanya mempunyai kesepaduan dalam ilmu pengetahuan bahkan mencapai tahap tsiqah (dapat dipercayai) mengikut kriteria periwayatan hadis. Beliau menuju ke Naisabur dan dibina untuk beliau sebuah madrasah yang besar, merantau ke Khurasan dan sesetengah bahagian di Iraq dan akhirnya nama dikenali. Melakukan banyak kali perdebatan berdepan dengan al-Muktazilah. Antara karya di bidang ilmu tauhid iaitu *al-Jami fi Ushuluddin* sebanyak lima jilid. Karya ini menolak fahaman orang mulhid atau ateis.

Perjuangan Ahli Sunnah tetap bergema di rantau dunia Islam sekalipun ia ditentang oleh pendapat-pendapat berdasarkan hawa nafsu, kali ini, dikukuhkan oleh kehadiran al-Imam ul-Kabir al-Ustaz Abu Manshur Abdul Qahir bin Thahir al-Tamimi al-Bughdadi al-Syafi'ei. Kealimannya dalam ilmu pengetahuan dan kearifan aliran Ahli Sunnah Wal Jamaah diperakui oleh Syaikhul Islam Abu 'Utsman al-Shabuni dengan katanya, “Abdul Qahir termasuk dari kalangan ulama usul dan terbitan Islam yang dengan ijmak ahli ilmu yang lebih dan teliti dalam penghasilan..” Kuliahnya meliputi 17 bidang ilmu. Abdul Qahir wafat pada tahun 429 H. Selainnya, turut menyumbang dalam perjuangan Ahli Sunnah seperti Abu l-Hasan Ali bin Mahdi al-Thabari yang disambung oleh Abu Abdillah al-Husain bin Muhammad al-Bazzaziy.

Sejarah Ringkas Perkembangan Ahli Sunnah 63

Dalam keberkatan ilmu bersanad, dengan kelahiran Abu l-Qasim al-Iskafiy yang wafat pada tahun 452 H. berjaya melahirkan murid yang akhirnya terkenal dalam bidang usuluddin dan fiqh iaitu Imam ul-Haramain. Abul Qasim al-Iskafi merupakan salah seorang perawi aliran Asya'irah.

Imam ul-Haramain dilahirkan pada tahun 419 H. Di Madrasah Nizamiyyah, Imam ul-Haramain selaku guru terkenal di universiti tertinggi di dunia Islam pada ketika itu, mendidik Abu Hamid al-Ghazali dan beliau pernah tinggal berdekatan Makkah selama empat tahun. Imam ul-Haramain wafat 478 H.

Kelahiran Imam ul-Ghazali pada 450 H. di Tus, Iran, berjaya menjernihkan kembali ilmu-ilmu Islam setelah menjadi pelajar yang paling cemerlang. Pada peringkat awal, beliau berjaya membela mazhab Ahli Sunnah dengan gigih dengan kelebihannya dalam bidang ilmu pengetahuan termasuk falsafah, mantik, ilmu kalam, fiqh dan lain-lain. Imam al-Ghazali berjaya mengalahkan al-Zamakhshari dalam perdebatan yang memakan masa selama beberapa hari, bermula dengan perbincangan yang mudah dan akhirnya pendengar sendiri kurang memahami apabila perbincangan mereka berdua mencapai tahap paling maksimum. Imam al-Ghazali yang mewakili Ahli Sunnah berjaya menumpaskan hujah-hujah al-Zamakhshari yang mewakili al-Muktazilah. Perdebatan inilah yang berjaya meranapkan kesinambungan mazhab al-Muktazilah di persada ilmu kalam. Apabila seseorang alim beramal dengan ilmunya pasti Allah akan memantapkan lagi jiwa dan hatinya dalam memahami ilmu-ilmu Islam akhirnya, beliau memasuki peringkat tashawwuf amali dalam penyucian rohani dan jasmani. Pada peringkat ini Imam al-Ghazali mampu membongkar penyelewengan golongan al-Bathiniyyah, ahli falsafah, mutakallim pelampau dan lain-lain. Kejayaan demi kejayaan yang dirintis oleh beliau dalam membela kebenaran mewajarkan golongan berikutnya memartabatkan beliau menjadi mujaddid abad ke-5 Hijrah dan digelar Hujjat ul-Islam. Beliau wafat pada tahun 505 H.

Demikian kesungguhan ulama silam mempertahankan kebenaran sekalipun tiada kemudahan telekomunikasi seperti sekarang. Pengajian dan pengajaran mereka

64 *Pegangan Sejati Ahli Sunnah Wal Jamaah*

sudah semestinya terpaksa menempuh pelbagai onak dan duri.

Bagi menyempurnakan lagi kefaedahan karya ini, ciri-ciri kesinambungan ilmu tauhid amat mudah dilihat apabila sanad-sanad diperzahirkan kembali ke persada ilmu pengetahuan. Sistem bersanad mula ditinggal oleh umat Islam di seluruh apabila sistem pendidikan banyak dcedok mengikut acuan barat. Di atas kesedaran ini, untuk menghilangkan kesangsian, syubhat dan untuk menangkis gangguan-gangguan yang dikemukakan oleh musuh Islam dalam metode ilmu-ilmu Islam maka penulis memperturunkan sanad dua tokoh utama dalam Ahli Sunnah Wal Jamaah iaitu Abu l-Manshur al-Maturidi dan Abu l-Hasan al-Asy'ari. Dengan sanad ini juga, memudahkan para pengkaji membuat penelitian yang saksama dalam melihat kesinambungan ilmu tauhid. Diharap sub-bahagian ini menjadi penghubung tajuk sebelum dan selepas sanad ini.